

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang diambil nyawa mereka oleh Malaikat dalam keadaan mereka menganiaya diri mereka sendiri (enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir Musyrik), mereka (Malaikat) bertanya dengan berkata : "Bagaimana keadaan kamu dahulu?" Mereka menjawab : "Kami dahulu ialah orang yang tertindas di bumi (Mekah dan tidak berdaya untuk membela agama)". "Malaikat bertanya lagi: "Bukankah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah padanya?" Maka orang-orang yang sedemikian itu tempat mereka ialah neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisaa', ayat 97



MENINGKATKAN KEFAHAMAN TENTANG DASAR, PERKHIDMATAN AGAMA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

TEMBURONG, Selasa, 22 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memainkan peranan penting dalam memperkukuh kefahaman serta penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan Wawasan Brunei 2035, KHEU terus berusaha memastikan perkhidmatan-perkhidmatan agama yang disampaikan adalah telus, relevan dan berkesan.

Bagi mencapai matlamat tersebut, KHEU meneruskan lagi Sesi Dialog Bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan bagi Daerah Temburong yang diadakan di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong, di sini.

Sesi dialog yang berlangsung hari ini merupakan wadah penting bagi bertukar pandangan, mengenal pasti cabaran serta merangka strategi penambahbaikan terhadap perkhidmatan agama.

Inisiatif tersebut juga mencerminkan komitmen kementerian dalam mendukung agenda pembangunan negara melalui perkongsian pandangan antara pihak kerajaan dan masyarakat di negara ini.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis di Sesi Dialog Bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan bagi Daerah Temburong yang telah diadakan di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, yang juga

menyampaikan ucapan alu-aluan dan seterusnya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada yang hadir dalam sesi dialog hari ini.

>> Muka 3

BEDB komited membina ekonomi berdaya tahan

Siaran Akhbar : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Julai. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) hari ini menerima lawatan kerja daripada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi menghadiri sesi dialog yang berlangsung di Bengkel Auditorium, Bangunan Rekabentuk dan Teknologi, Taman Teknologi Anggerek Desa di Berakas.

Sesi tersebut memberikan gambaran menyeluruh mengenai mandat, fungsi teras dan program strategik BEDB yang bertujuan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara serta memperkukuh pembangunan perusahaan.

Ia juga berfungsi sebagai platform untuk penglibatan di peringkat dasar, membolehkan dialog terbuka dan pertukaran perspektif mengenai cabaran utama yang dihadapi oleh Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan.

>> Muka 4

Ke arah pengurusan hutan yang lestari

Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Julai. - Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), selaku tuan rumah dan pengerusi Mesyuarat Kumpulan Kerja ASEAN mengenai Pengurusan Hutan (AWG-FM) Ke-20, secara rasmi memulakan mesyuaratnya selama dua hari bermula hari ini hingga 23 Julai di sebuah hotel di ibu negara.

Perasmian mesyuarat disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap II, KSSUP, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim, selaku tetamu kehormat.

Dalam ucapan alu-aluan, beliau berkata bahawa mesyuarat AWG-FM Ke-20 merupakan platform penting bagi menggalakkan dialog dan kerjasama bermakna ke arah pengurusan hutan yang lestari.

>> Muka 5

Manfaatkan teknologi digital, memperkasa ekonomi, keusahawanan

Oleh : Marlinawaty Hussin

TUNGKU LINK, Isnin, 21 Julai. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Super Museum AI, sebuah acara kolaboratif yang dianjurkan bersama Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD), George Mason University (GMU) dan Company | E. Sidang kemuncak tersebut mengetengahkan ucapatama, sesi pembelajaran interaktif serta demonstrasi secara praktikal yang disampaikan oleh para

pakar dari AS dan NBD.

Majlis perasmian yang berlangsung di Dewan Kuliah 2, UTB disempurnakan oleh tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim, yang mewakili Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

>> Muka 6

Berita Utama



TERAPKAN transformasi digital, amalan mesra alam perkhidmatan perpustakaan

Muka 7



PASUKAN SATREA sertai ARDEX 2025

Muka 11



HAYATI hijrah Rasulullah dalam menggapai rahmat Allah

Muka 18



MEMBUDAYAKAN saling menghormati untuk kesejahteraan bersama

Muka 20

Tangani cabaran ke arah mencapai ASEAN bebas jerebu

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

BAGI pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada awda semua ke Negara Brunei Darussalam (NBD). Sesungguhnya adalah menjadi satu penghormatan dan keistimewaan bagi NBD untuk menjadi tuan rumah dan mempengerusikan Mesyuarat Ke-26 Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri-menteri Sub-Serantau (MSC Ke-26) Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan tahun ini.

Pencemaran jerebu merentasi sempadan kekal sebagai cabaran berterusan di rantau kita, dengan kesan dirasai selama lebih daripada dua dekad. Walaupun kemajuan telah dicapai, perkembangan terkini mengingatkan kita bahawa ancaman ini berterusan - memberi kesan bukan sahaja kepada alam sekitar tetapi juga kehidupan harian masyarakat di seluruh ASEAN.

Selama bertahun-tahun, kita telah menyaksikan kekuatan perpaduan serantau melalui Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan. Kerjasama kita telah menghasilkan rangka kerja yang bernilai, sistem amaran awal, dan menyelaraskan usaha di peringkat akar umbi. Namun, sedang corak iklim berkembang dan tekanan penggunaan tanah berkembang, pendekatan kita juga perlu

mengambil penyesuaian yang diperlukan.

Memandangkan keadaan jerebu pada masa ini, di mana rantau selatan telah mencetuskan Amaran Tahap 1, beberapa titik panas terpencil dan jerebu setempat masih berlaku di kawasan-kawasan tertentu. Terdapat keperluan segera untuk menyusun semula isu-isu jerebu yang berulang dalam pendekatan yang lebih bersepadu dan holistik, bersama dengan penyelesaian pada masa yang tepat.

NBD, di peringkat kebangsaan telah melaksanakan pelbagai langkah mitigasi bagi menangani jerebu dan kebakaran hutan, dengan tumpuan khusus kepada pemuliharaan tanah gambut dan pengurusan alam sekitar yang mampan. Kami juga telah memperkukuhkan usaha-usaha penyelarasan untuk mengeratkan hubungan, meningkatkan persefahaman, dan menggalakkan kerjasama aktif di kalangan semua pihak yang berkepentingan yang berkaitan - termasuk agensi-agensi kerajaan, pemaju-pemaju swasta, petani, kumpulan-kumpulan masyarakat sivil dan masyarakat tempatan - mengenai isu-isu pencegahan kebakaran dan jerebu. Ini termasuk meningkatkan kesedaran tentang punca-punca potensi dan meneroka huraian berkesan bagi cabaran-cabaran ini.

NBD bernasib baik kerana tidak mengalami keadaan berjerebu yang berpanjangan sejak tahun lalu dan kita menikmati kualiti udara yang baik pada kebanyakan hari. Ini disebabkan oleh keadaan cuaca angin dan hujan sekejap-sekejap yang menggalakkan, yang membantu mencegah pembentukan jerebu

di negara kita. Namun, kita tidak boleh bersikap sambil lewa atau terlalu bergantung pada alam. Saya menyeru semua negara anggota ASEAN supaya sentiasa berwaspada dengan mengukuhkan lagi kesiapsiagaan dan respons kita, terutamanya dalam menangani asap jerebu rentas sempadan semasa tempoh musim kemarau tradisional dan dalam menghadapi perubahan iklim yang tidak dapat diramalkan.

Sebagai pengerusi, NBD komited untuk memupuk dialog yang membina dan hasil tindakan berorientasi. Mesyuarat ini menyediakan peluang untuk mengesahkan tanggungjawab bersama, mengukuhkan kerjasama institusi dan teknikal, dan mengambil langkah-langkah tegas ke arah mencapai ASEAN yang bebas jerebu.

Dengan kehadiran para pemimpin yang sangat berdedikasi, berpanduan semangat kerjasama dan perpaduan ASEAN, saya yakin bahawa perbincangan kita hari ini akan menghasilkan hasil yang bermakna dan positif. Bersama-sama, kita boleh memajukan agenda jerebu, membangun dan bersetuju dengan tindakan yang lebih konkrit, dan bekerjasama ke arah mencapai ASEAN yang bebas jerebu menjelang 2030.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Sekretariat ASEAN, kumpulan kerja teknikal dan semua pihak berkepentingan atas usaha gigih mereka di belakang tabir. Marilah kita bekerjasama pada hari ini dengan tumpuan yang diperbaharui dan dikongsi bersama, demi kesihatan rakyat kita dan masa depan rantau kita.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid berucap ketika mempengerusikan Mesyuarat Ke-26 Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri-menteri Sub-Serantau (MSC Ke-26) Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

Dengan itu, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran awda dalam mesyuarat ini. Saya berharap, walaupun terdapat tanggungjawab yang besar di hadapan dalam pertemuan ini, awda juga akan mendapat masa dan peluang untuk merasai keamanan sepanjang berada di NBD. Terima kasih atas perhatian awda.

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	RABU	27	4.43	4.53	6.16	6.40	12.28	3.51	6.38	7.52
24	KHAMIS	28	4.44	4.54	6.16	6.40	12.28	3.51	6.37	7.51
25	JUMAAT	29	4.44	4.54	6.16	6.40	12.28	3.50	6.37	7.51
26	SABTU	1 SAFAR	4.44	4.54	6.16	6.40	12.28	3.50	6.37	7.51
27	AHAD	2	4.44	4.54	6.16	6.40	12.28	3.50	6.37	7.51
28	ISNIN	3	4.44	4.54	6.17	6.40	12.28	3.50	6.37	7.51
29	SELASA	4	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
35 26 °C	35 26 °C	34 26 °C	
Pekan Bangar			
35 26 °C	35 26 °C	34 26 °C	
Pekan Tutong			
35 26 °C	35 26 °C	34 26 °C	
Kuala Belait			
35 26 °C	35 26 °C	34 26 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 23 JULAI 2025

Kelebihan insurans untuk kesejahteraan

SEBAGAIMANA yang diketahui ramai, insurans memberikan banyak kelebihan khususnya untuk kesejahteraan diri, terutamanya dalam menyediakan perlindungan kewangan terhadap risiko dan ketidakpastian.

Dalam kehidupan yang sentiasa berubah dan tidak menentu, adalah penting bagi kita untuk melindungi diri sendiri dan keluarga daripada perkara-perkara yang tidak diingini dan tidak dapat dielakkan.

Meskipun ramai yang sudah memahami kepentingan insurans, namun masih ada segelintir masyarakat yang tidak sedar bahawa insurans memainkan peranan penting dan memberi banyak kebaikan kepada mereka yang melanggannya.

Ia boleh membantu mengurangkan tekanan kewangan akibat kejadian yang tidak dijangka seperti penyakit, kemalangan atau kematian. Malah insurans juga boleh bertindak sebagai simpanan jangka panjang dan membantu melindungi aset serta memberikan manfaat kepada waris.

Selain itu, insurans merupakan satu bentuk perlindungan kewangan terhadap risiko kerugian yang tidak dijangka. Ia melibatkan satu perjanjian (kontrak) antara dua pihak iaitu penanggung insurans (syarikat insurans) dan pemegang polisi (individu atau organisasi yang membeli insurans).

Kelebihan insurans untuk kesejahteraan diri antaranya ialah perlindungan kewangan di mana insurans seperti ini menyediakan jaring keselamatan kewangan sekiranya berlaku kejadian tidak diingini yang boleh menyebabkan perbelanjaan besar seperti kos perubatan atau kehilangan pendapatan.

Kemudian bagi ketenangan fikiran di mana awda sudah sedia maklum bahawa diri awda telah dilindungi oleh insurans sekali gus mengurangkan tekanan dan kebimbangan mengenai masa depan kewangan dan aspek perubatan awda.

Seterusnya, insurans juga boleh dijadikan sebagai alat simpanan jangka panjang dan setentunya membantu merancang masa depan terutamanya untuk persaraan atau pendidikan anak-anak.

Insurans juga boleh melindungi aset seperti rumah atau kenderaan daripada kerosakan atau kehilangan akibat kejadian seperti kebakaran atau kemalangan. Malah dengan adanya insurans, awda boleh mengakses perkhidmatan penjagaan kesihatan yang diperlukan, termasuk rawatan pencegahan, pemeriksaan kesihatan dan rawatan perubatan tanpa perlu risau tentang kos yang tinggi.

Bagi sesetengah pelan insurans juga boleh berfungsi sebagai simpanan jangka panjang, memberikan awda pulangan pelaburan atau simpanan yang selamat. Perlu diketahui juga, insurans juga dapat memberikan manfaat kewangan kepada waris sekiranya berlaku kematian, membantu mereka meringankan beban kewangan yang mungkin timbul. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Meningkatkan kefahaman tentang dasar, perkhidmatan agama



>> Muka 1

Yang Berhormat dalam ucapannya antara lain menyatakan, objektif atau tujuan

sesi dialog tersebut adalah untuk meningkatkan kefahaman tentang dasar dan perkhidmatan agama, mendapatkan input atau maklum balas daripada orang ramai



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika berucap pada sesi dialog berkenaan.

secara langsung dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan agama, mewujudkan kerjasama antara KHEU dengan pihak-pihak yang berkepentingan, dan bagi menyelaraskan pelaksanaan program-program keagamaan yang efektif.

Yang Berhormat seterusnya berkata, pada dua sesi dialog yang telah berlangsung di Daerah Brunei dan Muara, dan Daerah Tutong, sebahagian peserta yang sempat tampil telah mengemukakan saranan-saranan di samping mengemukakan soalan.

"Dalam kesemua itu, kami sangat menghargainya di samping menjelaskan kedudukan perkara sebenar mengenai sebahagian isu yang dibawa ke dalam sesi dialog ini.

"Jika yang disampaikan itu

SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada sesi dialog tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

berupa saranan atau cadangan, maka insyaaAllah akan diteliti lebih lanjut.

"Penelitian itu dari segi kesesuaiannya untuk dapat dilaksanakan, iaitu dalam makna ia praktikal dapat dibuat dan boleh menambah baik apa yang sedia berjalan," ujar Yang Berhormat.

Seterusnya, taklimat dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, yang menyampaikan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan agama di bawah KHEU.

Pada penghujung sesi dialog, turut diadakan sesi soal jawab.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Mislé bin Haji Abdul Karim; serta ketua-ketua jabatan dan pegawai kanan di bawah KHEU.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat

Negara, Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung serta para pegawai daripada pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta di Daerah Temburong yang terlibat dalam pembangunan komuniti, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta para pemimpin belia dan wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang aktif dalam bidang sosial, dakwah dan pembangunan masyarakat di daerah berkenaan.

Melalui sesi dialog yang diunkayahkan tersebut, KHEU berharap ia dapat memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara kerajaan dan masyarakat, memperkemas penyelarasan dasar serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan agama di peringkat akar umbi.

Sebagai kesinambungan kepada sesi hari ini, sesi dialog akan diteruskan ke Daerah Belait pada Sabtu, 26 Julai ini bertempat di Dewan Persidangan, Kuala Belait.

Sesi-sesi dialog tersebut dihasrat akan menjadi wadah yang berkesan dalam memperkukuh komunikasi dua hala antara kerajaan dan masyarakat serta mendukung pembangunan agama secara menyeluruh, progresif dan mampan di Negara Brunei Darussalam.

ORANG RAMAI BERPELUANG PELAJARI SENI MARMAR AIR TURKI



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyertai demonstrasi interaktif Seni Marmar Air Turki di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan atas kanan). Manakala gambar kanan, salah satu hasil dari Seni Marmar Air Turki.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Julai. - Bengkel Seni Marmar Air Turki atau dikenali sebagai Ebru yang akan diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) kini dibuka untuk pendaftaran orang awam, menurut Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy.

Semasa acara interaktif kedua seni Ebru dan kaligrafi gaya Riq'ah anjuran Institut Yunus Emre (YEE) yang diadakan khusus untuk pegawai kanan kerajaan, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy memaklumkan bahawa orang

ramai kini boleh memohon untuk mengikuti dua kursus percuma selama enam bulan - Ebru dan/atau Kaligrafi Riq'ah - dengan bayaran sebanyak BND50 sahaja untuk bahan kursus. Tarikh tutup pendaftaran adalah pada 31 Julai 2025.

Bengkel ini dianjurkan oleh BKISHHB dengan kerjasama YEE dan Kedutaan Turkiye, dan dijadualkan akan bermula pada 4 Ogos 2025.

Menurut Tuan Yang Terutama, bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan lebih mendalam kepada masyarakat mengenai tradisi, seni dan budaya Turki.

Pengarah YEE di Brunei, Lale Ersoy, menerangkan bahawa

seni Ebru merupakan satu bentuk kesenian yang bersifat spiritual, berakar umbi dalam budaya Turki dan sering diamalkan sebagai zikir oleh para seniman, "Tidak seperti seni cetakan, setiap hasil karya Ebru adalah unik dan tidak akan sama antara satu sama lain".

Turut menyertai demonstrasi interaktif Seni Marmar Air Turki ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan para pegawai kanan kerajaan yang berpeluang menyaksikan demonstrasi seni Ebru secara langsung dan mencipta karya seni mereka sendiri.

Pada tahun lalu, YEE dengan kerjasama Kedutaan Turkiye telah menjalinkan pelbagai aktiviti



bersama institusi kerajaan dan akademik, termasuk penganjuran kursus bahasa, aktiviti bercerita, tayangan filem dan juga rancangan masakan Turki yang disiarkan

melalui Radio Televisyen Brunei (RTB). Pelbagai program kebudayaan dan kulineri juga kerap dianjurkan dan diumumkan kepada orang awam melalui media sosial.

BEDB KOMITED MEMBINA EKONOMI BERDAYA TAHAN



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa sesi bergambar ramai pada sesi dialog berkenaan yang berlangsung di Bengkel Auditorium, Bangunan Rekabentuk dan Teknologi, Taman Teknologi Anggerek Desa.

lebih kukuh dalam rantai nilai yang dipacu oleh FDI.

Sebagai tindak balas, BEDB mengesahkan pendekatan dwi-landasan terhadap pembangunan perusahaan, iaitu dengan menangani isu segera yang dihadapi oleh perniagaan secara individu, serta bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk mengukuhkan keseluruhan ekosistem keusahawanan.

BEDB turut memaklumkan bahawa pelbagai usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan sokongan kepada perusahaan, memperluas akses pasaran, serta membuka lebih banyak peluang penyertaan tempatan dalam sektor-sektor strategik.

Perbincangan yang konstruktif serta pertukaran pandangan yang berlaku telah menyerlahkan lagi komitmen bersama antara para pembuat dasar negara dan BEDB dalam memajukan masa depan ekonomi Brunei Darussalam.

Maklum balas yang diperoleh daripada sesi ini akan digunakan untuk menambah baik inisiatif sokongan perusahaan serta memastikan ia selaras dengan keutamaan negara di bawah Wawasan Brunei 2035.

>> Muka 1

Siaran Akhbar dan Foto : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

Dalam ucapan mukadimah, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Daniel Leong, mengesahkan komitmen BEDB terhadap pembangunan negara, "BEDB komited untuk membina ekonomi yang berdaya tahan dan pelbagai, yang memperkasa perniagaan tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi, dan mengurangkan kebergantungan kepada sektor tradisional".

Dialog dimulakan dengan taklimat oleh Pengarah Pembangunan Perusahaan (DARE), Dayang Norlela Suhailee, yang menetengahkan pelbagai inisiatif sokongan yang ditawarkan

melalui BEDB. Ini termasuk skim pembiayaan, program pembangunan kapasiti, serta akses kepada ekosistem keusahawanan dinamik yang direka bagi menyokong pertumbuhan perusahaan di setiap peringkat.

Melalui lawatan kerja ini juga dapat memberikan peluang kepada para Ahli MMN untuk memahami dengan lebih mendalam peranan BEDB dalam memupuk ekosistem yang mesra perniagaan.

Sepanjang sesi dialog, Ahli-ahli MMN mengulangi sokongan mereka terhadap usaha pembangunan perusahaan serta menetengahkan cabaran struktur

yang menjejaskan persekitaran perniagaan, termasuk kelewatan pentadbiran, ketidakselarasan antara dasar dan pelaksanaan di peringkat akar umbi, penguatkuasaan dasar yang tidak konsisten, serta keperluan kepada penyelarasan dan komunikasi yang lebih berkesan, khususnya berkaitan perubahan peraturan yang memberi kesan kepada perniagaan.

Turut ditekankan ialah kepentingan memperkasa PMKS tempatan dalam ekosistem runcit dan rantai bekalan, penambahbaikan struktur kos melalui model perolehan yang lebih cekap, serta sokongan kepada industri kecil-kecilan

menerusi penyediaan ruang pengeluaran yang fleksibel.

Walaupun menyambut baik pelbagai inisiatif sokongan yang sedang dilaksanakan, Ahli-ahli MMN turut menekankan kepentingan untuk memperluas jangkauan dan kebolehcapaian bagi memastikan lebih banyak perniagaan mendapat manfaat sepenuhnya daripada program - program yang ditawarkan.

Meskipun tumpuan utama sesi dialog ini adalah kepada PMKS, para Ahli MMN juga turut mengiktiraf peranan penting Pelaburan Langsung Asing (FDI) dalam usaha kepelbagaian ekonomi jangka panjang negara dan menyuarakan hasrat untuk melihat penyertaan tempatan yang

Menyediakan platform, promosikan produk tempatan



Berita dan Foto : Ihsan Awang Saini Haji Othman

TUTONG, Ahad, 20 Julai. - Majlis Perasmian Pembukaan Kafe Mumba Dai Kofe, yang terletak Kampung Lamunin, Tutong berlangsung dengan penuh meriah, baru-baru ini.

Majlis Pelancaran Kafe tersebut disempurnakan oleh Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir selaku tetamu khas ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua

Kampung Sengkarai.

Majlis turut dihadiri oleh Penghulu Mukim Lamunin, Awang Md. Jafaar bin Haji Tinggal; Ketua Kampung Lamunin, PW1 (B) Awang Saini bin Haji Othman; Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lamunin serta para penduduk Kampung Lamunin.

Nama unik kafe ini, Mumba Dai Kofe diilhamkan daripada dialek tempatan Tutong yang membawa maksud tersirat penuh budaya. Dalam dialek tersebut, *Mumba* bermaksud minum, *Dai* bermaksud *tah*, manakala *Kofe* bermaksud kopi.

Nama ini bukan sahaja

PENOLONG Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan Majlis Perasmian Pembukaan Kafe Mumba Dai Kof. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku tetamu khas turut hadir menyempurnakan pelancaran kafe berkenaan (atas dan atas kiri).

menyerlahkan identiti budaya tempatan, malah mencerminkan suasana mesra dan semangat kekampungan yang ingin ditonjolkan oleh pihak kafe.

Kafe ini diusahakan oleh Awang Mohd. Nur Hassanol Faaiz bin Md. Fadzillah Zamri, seorang ahli aktif Biro Belia MPK Lamunin. Ia telah memulakan operasinya lebih awal, iaitu sejak 17 Mac 2025 semasa bulan Ramadan, melalui Program Sahur Malam yang menerima sambutan positif daripada pelanggan.

Kafe ini kini menjadi lokasi tumpuan bukan sahaja kepada

penduduk Kampung Lamunin dan Daerah Tutong, malah turut menarik pengunjung dari luar daerah seperti Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Belait, yang gemar mencari tempat santai untuk menikmati kopi serta hidangan ringan.

Kewujudan kafe ini juga diyakini dapat memberi impak positif kepada masyarakat setempat. Ia memudahkan penduduk kampung mendapatkan makanan dan minuman tanpa perlu ke bandar, sekali gus menjimatkan masa dan kos perjalanan.

Dalam masa yang sama, ia menjadi pusat interaksi sosial

komuniti, membuka peluang pekerjaan kepada belia kampung serta membantu meningkatkan ekonomi setempat. Kafe ini turut menyediakan platform bagi mempromosikan produk tempatan melalui menu yang ditawarkan.

Tetamu kehormat dan para tetamu khas berkesempatan meninjau ruang dalam kafe serta berbesar hati menandatangani sijil pembukaan rasmi.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat, diteruskan dengan jamuan ringan, diiringi hidangan pelbagai jenis kopi daripada menu khas kafe tersebut.

KE ARAH PENGURUSAN HUTAN YANG LESTARI



TIMBALAN Setiausaha Tetap II, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan perasmian mesyuarat berkenaan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 1

"Saya yakin bahawa Kumpulan Kerja ini, dengan sejarah kemajuan yang memberangsangkan, mempunyai keupayaan tinggi untuk menangani cabaran yang sedang kita hadapi," ujarnya.

Beliau turut menzahirkan keyakinan terhadap keupayaan kolektif Kumpulan Kerja dalam memberikan tindak balas yang berkesan terhadap isu-isu yang semakin berkembang khususnya berkaitan kehilangan biodiversiti, suhu ekstrem dan ketidaktentuan sosioekonomi.

"Di bawah naungan ASEAN, kita perlu berganding bahu dalam menangani isu-isu ini. Peranan AWG-FM adalah amat penting dalam konteks ini.

"Tindakan kita di sini memberi

kesan global dan kita berada di barisan hadapan dalam menangani isu-isu mendesak tersebut," katanya.

Menurut beliau, Pelan Tindakan ASEAN mengenai Pengurusan Hutan (2021-2025) akan berakhir pada tahun ini.

"Oleh itu, mesyuarat ini menyediakan platform yang tepat pada masanya untuk kita menilai kemajuan Pelan Tindakan tersebut, berkongsi pengalaman dan pengajaran yang diperoleh, menilai pencapaian kita, serta menyelaraskan tindakan pada masa hadapan," katanya.

Terdahulu, beliau menyatakan bahawa ASEAN bukan sahaja merupakan sebuah rantau yang pesat membangun dari segi ekonomi dan kaya dengan kepelbagaian budaya, malah juga pemelihara bersama sumber hutan yang melimpah.

"Hutan tropika di rantau ini membekalkan hasil hutan yang bernilai, menjadi habitat kepada pelbagai jenis flora dan fauna serta memelihara sumber genetik yang jarang ditemui dan berharga. Semua ini adalah tanggungjawab bersama.

"Kerjasama kita melalui Kumpulan Kerja ini adalah bukti komitmen kolektif untuk melindungi sumber penting ini, sekali gus mencerminkan peranan signifikan rantau ASEAN dalam pengurusan hutan di peringkat global," katanya.

Beliau menambah, di Negara Brunei Darussalam (NBD), pengurusan hutan lestari adalah amat penting untuk perlindungan alam sekitar dan juga pembangunan negara.

"Kami komited sepenuhnya dalam memelihara sumber hutan kami yang bernilai dan memastikan bahawa sebahagian besar daripada tanah di negara ini diurus secara lestari.

"Komitmen ini menyokong pembangunan sosioekonomi, memelihara biodiversiti dan menyumbang kepada usaha global dalam menangani perubahan iklim, selaras dengan Dasar Perhutanan Negara kami," ujarnya.

Mesyuarat kali ini disertai oleh 54 orang peserta yang mewakili negara-negara anggota ASEAN.

Turut menyertai ialah Timor-Leste selaku pemerhati, Sekretariat ASEAN serta wakil daripada rakan kerjasama ASEAN iaitu Organisasi Kerjasama Perhutanan Asia (AFOCO), Institut Perhutanan Eropah (EFI), Kemudahan Bantuan Teknikal kepada Inisiatif Pasukan Hijau Eropah (TAF-GTEI), Organisasi Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO), Misi Jepun ke ASEAN, Pejabat Luar Negeri, Komanwel dan Pembangunan United Kingdom (UK-FCDO); GIZ dan Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA).

Semasa sesi tertutup, ucapan pembukaan telah disampaikan oleh pengerusi dari Viet Nam yang akan tamat tempoh perkhidmatannya (*outgoing chair*), diikuti dengan ucapan oleh pengerusi baharu, iaitu Pemangku Pengarah Jabatan Perhutanan, KSSUP, Awang Reni bin Haji Yahya.

Mesyuarat ini membincangkan panduan dasar serantau dan perkembangan ke arah pengurusan hutan lestari termasuk aktiviti-aktiviti utama bagi tahun 2025-2026 di bawah Pelan Tindakan Kerjasama ASEAN mengenai Pengurusan Hutan 2021-2025.

Pelaksanaan pelan kerja bagi memperkukuhkan Penguatkuasaan Undang-undang dan Tadbir Urus Hutan (FLEG) turut dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

Selain itu, mesyuarat berkenaan juga menjadi platform bagi setiap negara anggota ASEAN untuk membentangkan pelaksanaan Pengurusan Hutan Lestari (SFM) di negara masing-masing, termasuk kemas kini mengenai kemajuan di peringkat kebangsaan, inisiatif utama dan cabaran dalam pelaksanaan SFM, serta cadangan untuk meningkatkan kerjasama serantau.

Semasa mesyuarat tersebut, Indonesia berkongsi kemas kini mengenai Projek Pengurusan Ekosistem Bakau di rantau ASEAN, Garis Panduan Sukarela ASEAN untuk Pemantauan Sumber Hutan serta hasil daripada Forum Ke-20 PBB Mengenai Hutan yang telah diadakan pada 5 hingga 9 Mei 2025 di New York, Amerika Syarikat.

SM SMJA terima lawatan Timbalan Menteri Parlimen bagi Hal Ehwal Luar Negeri Jepun



TIMBALAN Menteri Parlimen bagi Hal Ehwal Luar Negeri Jepun bersama rombongan semasa mengadakan lawatan di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) (atas, kanan dan bawah kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Julai. - Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) menerima lawatan daripada Timbalan Menteri Parlimen bagi Hal Ehwal Luar Negeri Jepun, Ikuina Akiko bersama rombongan.

Turut menyertai rombongan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka.

Kedatangan Ikuina Akiko di Sekolah Menengah SMJA dialu-alukan oleh Pengarah Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang; dan

Pengetua Sekolah Menengah SMJA, Dayang Hajah Nor Aisah binti Haji Mohd. Salleh.

Juga mengalu-alukan kedatangan rombongan berkenaan ialah para tenaga pengajar dan pelajar Sekolah Menengah SMJA.

Semasa lawatan tersebut, Ikuina Akiko berpeluang untuk bertemu dan berinteraksi dengan para pelajar yang sedang mengikuti pembelajaran bahasa Jepun yang diajar oleh Mohammad Nazriman.

Para pelajar juga berpeluang untuk berkomunikasi dengan Ikuina Akiko menggunakan bahasa Jepun asas dan turut

menyanyikan sebuah lagu Jepun. Ikuina Akiko memberikan galakan kepada para pelajar agar terus mempelajari bahasa Jepun dan meneroka lebih lanjut mengenai negara Jepun.

Sekolah Menengah SMJA merupakan salah satu daripada tiga buah sekolah menengah kerajaan di NBD yang telah dipilih untuk melaksanakan projek rintis selama dua tahun (2025/2026) bagi pengajaran subjek Bahasa Jepun sebagai mata pelajaran pilihan kepada pelajar Tahun 7 dan Tahun 8.

Matlamat projek ini adalah untuk meningkatkan kecekapan linguistik dan kefahaman budaya dalam kalangan pelajar. Inisiatif ini digerakkan oleh beberapa faktor termasuklah trend



ekonomi global, pertukaran budaya serta penajajaran dengan matlamat Kurikulum Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21), yang menggalakkan penguasaan pelbagai bahasa dan mempersiapkan pelajar menghadapi dunia yang semakin

global. Selain itu, inisiatif tersebut juga turut mencerminkan komitmen kerajaan dalam memperluas peluang pendidikan dan memupuk kerjasama antarabangsa melalui pembelajaran bahasa.

MANFAATKAN TEKNOLOGI DIGITAL, MEMPERKASA EKONOMI, KEUSAHAWANAN



MENANDATANGANI Memorandum Persefahaman (MoU) bagi pihak Universiti Teknologi Brunei (UTB) ialah Naib Canselor UTB. Manakala George Mason University (GMU) diwakili oleh Profesor dan Pengarah Program Reka Bentuk Permainan Komputer serta Pengarah Bersama Virginia Serious Game Institute, Profesor Sang Nam.

>> Muka 1

Turut hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak AS ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland, serta Pengarah Eksekutif dan Kesenian Bersama Company | E, Paul Emerson.

Penolong Naib Canselor (Hubungan Luar dan Industri), UTB, Dr. Mohamad Saiful bin Haji Omar dalam ucapannya berkata, di universiti berkenaan, Kecerdasan Buatan (AI) dilihat sebagai alat yang mampu meningkatkan pembelajaran, pendidikan yang diperibadikan serta menyokong para pendidik dalam mencapai hasil pembelajaran yang lebih baik.

Katanya, UTB telah mengguna pakai teknologi AI melalui pelbagai inisiatif termasuk penubuhan Makmal AI dan Pembelajaran Mesin (AiML), serta penyepaduan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

elemen AI dalam modul akademik.

Beliau menambah, semakin ramai pelajar turut melibatkan diri dalam projek *capstone* berfokuskan AI dan menyertai pertandingan berkaitan di peringkat kebangsaan dan serantau yang menunjukkan peningkatan minat dan keupayaan dalam bidang tersebut.

Seiring dengan perkembangan itu, katanya, UTB turut memperkenalkan garis panduan akademik bagi memastikan penggunaan AI dilakukan secara beretika dan bertanggungjawab dalam pengajaran, pembelajaran dan penilaian.

Terdahulu, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland dalam ucapannya berkata, seramai 30 peserta berbakat dari NBD yang telah berjaya menamatkan kursus intensif selama 14 minggu dalam bidang pembangunan permainan, AI serta realiti terimbuh (*augmented reality*) dan realiti

maya diiktiraf pencapaian mereka pada hari ini.

"Kejayaan mereka mencerminkan komitmen bersama antara NBD dan AS dalam memanfaatkan kuasa teknologi digital bagi memperkasa ekonomi dan memupuk keusahawanan," katanya.

Sesi ucapatama dimulakan dengan penyampaian bertajuk 'AI for Everyone: Possibilities and Pathways' oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Teknologi Hijau dan Kelestarian (GreenTeXS), Profesor Madya Dr. Lim Tiong Hoo.

Sesi ucapatama kedua bertajuk 'Breaking Tech Barriers to Innovation' pula disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Scrypyed Inc., Tim Cotten.

Sebagai sebahagian daripada agenda strategik acara tersebut, satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) diadakan bagi mengukuhkan kerjasama pendidikan dan penyelidikan antara UTB dan GMU.

Menandatangani bagi pihak UTB ialah Naib Canselor universiti berkenaan, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Manakala GMU diwakili oleh Profesor dan Pengarah Program Reka Bentuk Permainan Komputer serta Pengarah Bersama Virginia Serious Game Institute, Profesor Sang Nam.

Penandatanganan tersebut disaksikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak AS ke NBD dan Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), MTIC.

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, mewakili Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat Sidang Kemuncak Super Museum AI. Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland.



Impak, risiko AI dalam pendidikan diketengahkan



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland semasa berucap (kiri). Manakala gambar tengah dan kanan, antara yang menyampaikan pembentangannya pada sidang berkenaan.



TUNGKU LINK, Isnin, 21 Julai. - Sidang Kemuncak Super Museum AI anjuran bersama Universiti Teknologi Brunei (UTB) dengan Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD), George Mason University (GMU) dan Company | E diteruskan dengan sesi ucapatama yang membentangkan pelbagai topik berkaitan AI.

Sesi pertama bertajuk 'Understanding Artificial Intelligence', dimulakan dengan ceramah bertajuk 'Beyond Knowing: Rethinking Intelligence in the Age of AI' yang disampaikan oleh Profesor Sang Nam, diikuti dengan demonstrasi bertajuk 'Demystifying AI: A Hands-On Introduction to the Minds Behind the Machines' yang dikendalikan

oleh Profesor Madya dan Pengarah Bersama Serious Games Institute di GMU, Profesor James Casey.

Sesi seterusnya bertajuk 'AI in Everyday Life' merangkumi tiga aliran serentak (*concurrent tracks*).

Aliran pertama 'AI in Education' memfokuskan kepada penggunaan AI dalam bilik darjah

dan platform pembelajaran diperibadikan yang dibentangkan oleh Profesor James Casey.

Aliran kedua 'AI in Business' yang disampaikan oleh Pendidik Seni Global Company | E, Tara Ashley Compton mengetengahkan contoh-contoh sebenar penggunaan AI dalam operasi, khidmat pelanggan dan analitik perniagaan serta syarikat pemula (*startups*).

Aliran ketiga yang disampaikan oleh Tim Cotten membincangkan pembangunan ejen AI terdesentralisasi dalam era Web4 termasuk aplikasi AI generatif untuk penceritaan, reka bentuk, muzik dan seni digital.

Sesi ketiga pula merupakan sesi perbincangan 'Fireside Chat' antara Profesor Sang Nam dan Tim Cotten bertajuk 'Your Future with AI: Building a Career Beyond the Code', yang menyentuh impak, risiko dan peluang AI daripada pelbagai perspektif termasuk sektor pendidikan, perniagaan, kerajaan dan belia.

Perbincangan turut menekankan peranan bukan teknikal, kemahiran penting serta laluan pembelajaran yang boleh diakses dalam era AI.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi panel pakar bertajuk 'Future of AI in Southeast Asia' yang dipengerusikan oleh Profesor James Casey dan disertai oleh Tim Cotten, wakil-wakil dari UTB serta Kedutaan AS.

Acara juga mengetengahkan projek-projek pelajar dari kursus Game Development di UTB yang dipamerkan di perpustakaan universiti tersebut.

Pameran tersebut menampilkan pengalaman realiti maya bertajuk Super Museum America yang memperkenalkan pendekatan baharu dalam meneroka muzium.

Para peserta berpeluang menyusuri ruang muzium digital yang dilengkapi dengan portal interaktif, membawa mereka ke persekitaran menakjubkan seperti permukaan planet Marikh, kawasan savana dan Rumah Putih termasuk Pejabat Oval.

Super Museum direka bentuk bagi menggabungkan pendidikan, penceritaan dan penerokaan yang membolehkan pengunjung untuk mendalami aspek budaya, sejarah dan sains dengan pendekatan yang interaktif dan imersif.

TERAPKAN TRANSFORMASI DIGITAL, AMALAN MESRA ALAM PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Julai. - Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Rangkaian Universiti ASEAN (AUN) dan Perpustakaan Rangkaian Universiti ASEAN (AUNIO) menganjurkan Mesyuarat AUNIO Ke-20 dari 22 hingga 24 Julai 2025 yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah (BKISHHB), di sini.

Dengan tema 'Melindungi Masa Depan Perpustakaan Melalui Inovasi Digital dan Kelestarian',



mesyuarat tahun ini menghimpunkan pustakawan universiti dan pemimpin ilmu dari seluruh Asia Tenggara untuk membincangkan bagaimana perpustakaan dapat menerapkan transformasi digital dan amalan mesra alam dalam era perubahan pantas.

Penolong Naib Canselor (University Life and Governance), UBD, Dayang Hajah Maudena binti Haji Abdul Hamid menjelaskan, UBD berbesar hati menjadi tuan rumah kepada mesyuarat bersejarah ini.

Menurutnya selain menjemput rakan-rakan AUN ke negara ini, mereka juga menyambut komitmen baharu dalam memajukan pendidikan tinggi di ASEAN, berlandaskan rasa hormat, inovasi dan identiti serantau yang dikongsi bersama.

ANTARA yang menyampaikan ucaptamanya pada mesyuarat berkenaan.

Mesyuarat tersebut dihadiri lebih 40 delegasi mewakili 24 institusi daripada lapan Negara Anggota ASEAN, termasuk tuan rumah, UBD.

Acara tiga hari tersebut merangkumi Pembentangan Laporan Negara, Mesyuarat Perniagaan, Bengkel Interaktif, dan Aktiviti Jaringan dan Kebudayaan yang meraikan kekayaan warisan Negara Brunei Darussalam.

Perbincangan memfokuskan kepada Integrasi teknologi lestari dalam operasi perpustakaan, memanfaatkan Kecerdasan Buatan (AI) dan automasi untuk meningkatkan perkhidmatan perpustakaan, memastikan pemeliharaan dan aksesibiliti digital jangka panjang, dan mengukuhkan kerjasama dan perkongsian amalan terbaik dalam kalangan institusi ASEAN.

Pada mesyuarat berkenaan, ucapama disampaikan oleh Ketua Unit Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di Pejabat Wawasan Brunei, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat I, Dayang Siti Multazimah binti Haji Ibrahim yang menekankan komitmen NBD dalam menyelaraskan inovasi digital



PENOLONG Naib Canselor (University Life and Governance), Universiti Brunei Darussalam (UBD) semasa hadir Mesyuarat Perpustakaan Rangkaian Universiti ASEAN (AUNIO) Ke-20.

dengan SDG.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif AUN, Profesor Madya Dr. Thanapan Laiprakobsub dalam ucapannya menyatakan, mesyuarat berkenaan mengukuhkan keyakinan bersama bahawa pendidikan harus menjadi asas perpaduan serantau.

Bersama-sama, ahli-ahli AUN bukan sahaja memupuk kecemerlangan, tetapi ia sedang membentuk masa depan ASEAN

yang kukuh dan berteraskan ilmu.

Mesyuarat AUNIO Ke-20 terus berfungsi sebagai platform strategik untuk pertukaran ilmu, pembangunan profesional dan inovasi dalam perpustakaan akademik di seluruh ASEAN.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati laman sesawang rasmi Mesyuarat AUNIO yang dianjurkan oleh UBD di <https://aunio.ubd.edu.bn>, atau ketahui lebih lanjut mengenai

Mempersiapkan jurutera tempatan dalam pembangunan infrastruktur masa depan

Siaran Akhbar dan Foto : Pertubuhan Ukur Jurutera dan Arkitek Brunei



TIMBALAN Naib Canselor Universiti Sains dan Teknologi Kuala Lumpur, dan juga Naib Presiden Institut Jurutera Malaysia, Prof. Ir. Ts. Dr. Tan Chee Fai semasa menyampaikan pembentangannya pada sesi kedua (atas kiri). Manakala gambar atas, sesi bergambar ramai pada jerayawara berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Julai. - Pertubuhan Ukur Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei telah menganjurkan Jerayawara ASEAN Engineer Registered (AER) yang berlangsung di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR), Berakas, baru-baru ini.

Lebih 100 jurutera, arkitek dan juruukur bahan daripada sektor awam dan swasta telah menyertai jerayawara ini untuk membincangkan isu mobiliti serantau serta integrasi teknologi baharu dalam pembangunan infrastruktur.

Sesi pertama bertajuk 'ASEAN Engineering Mobility & Beyond' telah disampaikan oleh Pesuruhjaya Utama ASEAN Engineering Register dan Jurutera Profesional (Awam) berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia, Ir. Ts. Yeong Chin Chow, Simon.

Beliau berkongsi maklumat mengenai AER, sebuah platform serantau yang memudahkan pengiktirafan jurutera profesional dalam kalangan Negara-negara ASEAN.

Beliau juga menekankan bahawa penyertaan dalam AER dapat meningkatkan peluang kerjaya rentas sempadan, menggalakkan pengiktirafan kelayakan secara bersama, dan memupuk kerjasama serantau dalam menangani cabaran kejuruteraan.

Sesi kedua bertajuk 'Engineering the Future: Harnessing Emerging Technologies for Smart, Sustainable, and Secure Infrastructure' telah dibentangkan oleh Prof. Ir. Ts. Dr. Tan Chee Fai iaitu Timbalan Naib Canselor Universiti Sains dan Teknologi Kuala Lumpur (KLUST), Naib Presiden Institut Jurutera Malaysia

serta pakar bertaraf antarabangsa dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) dan kejuruteraan pintar.

Beliau membincangkan peranan teknologi seperti AI, robotik, realiti terimbu (augmented reality) dan kembar digital (digital twins) dalam memperkasakan pembangunan infrastruktur Negara Brunei Darussalam selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Jerayawara ini berfungsi sebagai platform untuk memberi inspirasi dan mempersiapkan jurutera tempatan agar lebih aktif menyertai dan memimpin pembangunan infrastruktur masa depan yang tahan lasak dan bersedia menghadapi cabaran.

PUJA Brunei terus menyokong golongan profesional dalam bidang kejuruteraan, seni bina dan ukur bahan negara dengan menggalakkan pertukaran ilmu, inovasi dan penyaluran dengan inisiatif serantau ASEAN.

جانب چوچا بروني دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

UNISSA HADIRI MAJLIS PENGANUGERAHAN PENSIJILAN KE-5 IBFIM

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

KUALA LUMPUR, Isnin, 21 Julai. - Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) telah mengadakan Majlis Penganugerahan Pensijilan Ke-5 bagi kelayakan-kelayakan di dalam bidang perbankan dan kewangan Islam di Dewan Tuan Abdul Razak, Pusat Konvensyen Bank Rakyat Kuala Lumpur.

Hadir bagi acara tersebut ialah Penolong Profesor dan Timbalan Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Amnisuhailah binti Abarahan sebagai tetamu jemputan IBFIM. Turut hadir, Penyelaras At-Tamayuz, Dr. Hajah Nor Suriana binti Haji Talip.

UNISSA melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam mempunyai hubungan yang amat

erat bersama IBFIM dalam menerajui *upskilling* dan pensijilan perbankan Islam.

Antaranya adalah kelayakan bagi pelajar-pelajar cemerlang dari Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam UNISSA, yang berpeluang untuk mendapat Sijil Associate Qualification in Islamic Finance (AQIF) dari IBFIM sebagai sijil nilai tambah (*added value*) yang diiktiraf di Negara Brunei Darussalam.

Majlis penganugerahan tersebut menyaksikan lebih daripada 600 pengamal industri perbankan dan perbankan Islam yang dianugerahkan sijil-sijil *upskilling* di dalam pelbagai bidang berkaitan perbankan dan kewangan Islam antaranya Associate Qualification in Islamic Finance (AQIF), Fundamental



PENOLONG Profesor dan Timbalan Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali hadir sebagai tetamu jemputan Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM).

Certificate in Islamic Banking (FCIB), Intermediate Qualification in Islamic Finance (IQIF), Islamic

Professional Credit Certification (IPCC), Certified Professional Shariah Audit (CPSA), Islamic

Financial Planner (IFP), Certified Qualification in Islamic Finance (CQIF).

'Warna-Warni Retro Permata Seni' meriahkan pentas perayaan



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



TARIAN tradisi yang dipersembahkan oleh ahli-ahli Kumpulan Permata Seni di pentas perayaan 'Warna-Warni Retro Permata Seni' (kiri), manakala gambar atas, sebahagian daripada himpunan penonton yang menyaksikan acara persembahan tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Julai. - Ahli Kumpulan Permata Seni malam tadi mengendalikan variasi persembahan yang penuh meriah mewarnai pentas perayaan di hadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja di ibu negara bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79.

Pentas Perayaan bertemakan 'Warna-Warni Retro Permata Seni'

itu menampilkan persembahan nyanyian dan tarian daripada artis-artis tempatan termasuk penyanyi celik yang menjuarai Bintang Kecil tahun ini iaitu Ahmad Dasuki Qusyairie.

Manakala turut menyumbang suara emas adalah penyanyi yang tidak asing lagi dalam bidang nyanyian di Negara Brunei

Darussalam iaitu Nurul Hazimah dan Wan Zikri dan kemudian diserikan lagi dengan persembahan pelakon veteran dan komedi yang menghiburkan pentas perayaan malam itu iaitu Hajah Halimah.

Ahli Kumpulan Permata Seni Adalah gabungan artis, penyanyi, pelakon, penari, penyair, pemuji dan pesilat yang terdiri daripada

kalangan kanak-kanak remaja dan dewasa di Daerah Brunei dan Muara.

Adapun acara diadakan bagi sama-sama memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.



سورھنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1




2



Bahagian	Status	Link
I	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	...
II	PROSES PERAKUAN	...
III	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	...
IV	TIDAK HADIR	...
V	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	...
VI	PERMOHON DITERIMA	...

3



SEMAI RASA CINTA, TAAT SETIA KEPADA RAJA



ISTERI Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Noraini binti Haji Buntar hadir selaku tetamu kehormat pada Program Rajaku Berdaulat (atas dan kanan).



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Julai. - Perkataan 'daulat' berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud negeri atau kerajaan.

'Daulat' dengan tujuan untuk memberi penghormatan tertinggi kepada raja.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah menganjurkan Program Rajaku Berdaulat bersempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025.

Program yang dikendalikan di Masjid Kampung Perpindahan Serasa tersebut disertai oleh 150 orang terdiri daripada kalangan tenaga pembimbing atau pengajar serta Muslimah yang berdaftar dengan Kelas Bimbingan Muslimah di masjid-masjid dari Zon 3 dan Zon 4, Daerah Brunei dan Muara.

Antara tujuan utama program tersebut adalah untuk menyemai rasa cinta dan taat setia kepada raja, bangsa dan negara serta memperkukuh penghayatan terhadap warisan budaya bangsa.

Di samping itu bagi merealisasikan hasrat Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, isteri Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Noraini binti Haji Buntar.

Selain persembahan keagamaan, atur cara program juga diisikan dengan Menambang Syair Sejarah Brunei yang mengetengahkan elemen tradisi dan nilai sejarah.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak



MINDA PEMBACA

Kepentingan bahasa ibunda dalam kalangan generasi muda

BAHASA ibunda merujuk kepada bahasa pertama yang dipelajari oleh seseorang sejak kecil. Bagi orang Brunei, bahasa itu adalah bahasa Melayu Brunei. Ia memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan terutama buat generasi muda. Bukan saja bahasa ini digunakan sebagai alat komunikasi, namun ianya adalah merupakan lambang identiti dan budaya masyarakat kita.

Pertama, bahasa ibunda membentuk jati diri generasi muda. Apabila seseorang menguasai bahasa ibunda, mereka akan lebih mengenal asal usul dan warisan bangsa. Ini mewujudkan rasa bangga terhadap

budaya sendiri serta mengelakkan kehilangan identiti dalam arus globalisasi yang semakin mencabar dimana semakin luas menggunakan bahasa asing.

Seterusnya, bahasa ibunda ini penting demi memelihara budaya dan tradisi. Melalui bahasalah, nilai-nilai murni seperti adab, peribahasa, adat resam, sejarah dapat disampaikan daripada satu generasi ke generasi yang lain. Jika bahasa ibunda ini pupus, maka hilanglah juga khazanah bangsa.

Oleh itu juga, apabila sesama masyarakat menggunakan bahasa ibunda maka dengan itu ia dapat mengeratkan hubungan

kekeluargaan. Generasi muda dapat berkomunikasi dengan datuk, nenek, saudara-mara dengan lebih mudah. Hubungan ini menyemai rasa hormat, mengeratkan kasih sayang dan silaturahmi dalam keluarga dan masyarakat.

Di sekolah dan di tempat kerja pula, penguasaan bahasa Melayu Brunei membantu dalam memperkukuhkan rasa kebangsaan dan semangat cintakan tanah air. Bahasa inilah menjadi lambang perpaduan dan identiti Negara Brunei Darussalam.

Kesimpulannya, bahasa ibunda sangat penting dalam membentuk peribadi, budaya dan keharmonian masyarakat. Generasi muda wajar

memartabatkan bahasa ibunda agar ia terus hidup dan dihargai. Jika bukan kita yang mempertahankannya, siapa lagi?. Menjaga bahasa ibunda bermakna kita menjaga akar budaya dan maruah bangsa sendiri. Jangan biarkan bahasa Melayu Brunei menjadi sekadar sejarah.

Nama : Dk Iffah Nabilah
binti Pg Omar
No. K/P : 01-061XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Membina Identiti, Jati Diri Dalam Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 16 Julai 2025
- 2.'Media Sosial : Alat Komunikasi Atau Punca Tekanan'. Tarikh Tutup : 23 Julai 2025
- 3.'Peranan Belia Dalam Membina Teknologi Bermanfaat'. Tarikh Tutup : 30 Julai 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3.Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Kelebihan Mengeluarkan Zakat Harta dan Akibat Tidak Mengeluarkannya

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ZAKAT adalah salah satu daripada rukun Islam dan merupakan antara teras utama dalam ekonomi Islam. Dalam syari'at Islam, zakat terbahagi kepada dua iaitu pertama zakat badan atau zakat fitrah dan kedua zakat harta.

Hukum mengeluarkan zakat adalah wajib ke atas setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syarat. Orang yang mengingkari ketetapan hukum wajib zakat itu boleh menyebabkannya terkeluar daripada ugama Islam.

Mengenai dengan zakat harta, jenis-jenis harta yang wajib dizakat ialah :

- i- *An-naqd* iaitu emas dan perak termasuk wang.
- ii- *Al-an'am* iaitu binatang ternak seperti unta, lembu, kerbau dan kambing.
- iii- Perniagaan iaitu barang atau harta benda yang diniagakan.
- iv- Tanam-tanaman seperti padi, beras dan gandum.
- v- Harta galian dan *rikaz*.

Syarat utama orang yang diwajibkan mengeluarkan zakat harta itu ialah Islam, merdeka dan pemilik sempurna bagi harta zakat itu. Manakala syarat utama bagi harta yang wajib dikeluarkan zakat itu ialah cukup *nishab* dan *haul*. Walau bagaimanapun, tidak semua jenis harta zakat itu diwajibkan cukup *haul*.

Kewajipan Mengeluarkan Zakat

Terdapat beberapa dalil mengenai perintah wajib mengeluarkan zakat. Antaranya firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya: Dan dirikanlah sembahyang dan bayarlah zakat.

(Surah al-Baqarah : 110)

Daripada Ibn 'Umar Radhiallahu 'anhuma, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Dibina Islam itu atas lima (rukun): syahadah (pengakuan) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya (Nabi) Muhammad itu Rasul (utusan) Allah, mendirikan sembahyang (*fardhu* yang lima), mengeluarkan zakat, menunaikan haji (di Baitullah) dan berpuasa di bulan Ramadhan.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Meskipun diketahui bahawa zakat adalah salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan, namun terdapat sesetengah orang yang bersikap kurang memberi perhatian terhadap zakat, kepentingan dan pelaksanaannya sehingga melengah - lengahkan untuk menunaikannya. Malah ada juga orang yang beranggapan bahawa mereka telah menunaikan tuntutan kewajipan zakat pada setiap kali datang bulan Ramadhan dan 'Idilfithri kerana bagi mereka zakat yang diwajibkan itu adalah zakat fitrah semata-mata sedangkan hakikatnya mereka belum lagi menunaikan zakat harta.

Kelebihan dan Hikmah Mengeluarkan Zakat Harta

Orang-orang yang mengeluarkan zakat dijanjikan ganjaran besar daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala, antaranya akan memperoleh ganjaran pahala yang berlipat ganda sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : Dan pemberian zakat (atau sedekah) yang kamu berikan kerana menghendaki keredhaan Allah maka mereka itulah orang yang mendapat pahala berlipat ganda.

(Surah ar-Rum : 39)

Dalam satu riwayat daripada Abu ad-Darda' Radhiallahu 'anhunya, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

'alaihi wasallam :

Maksudnya : Lima (perkara) sesiapa yang melaksanakannya dengan penuh keimanan dia akan masuk syurga, (iaitu) sesiapa yang memelihara sembahyang yang lima dengan wudhu'nya, ruku'nya, sujudnya dan waktu-waktunya, berpuasa di bulan Ramadhan, menunaikan haji ke Baitullah jika mampu, memberi (menunaikan) zakat dengan jiwa yang luhur dan menunaikan amanah.

(Hadits riwayat Abu Daud)

Selain ganjaran yang besar, mengeluarkan zakat juga mempunyai hikmah dan faedah yang banyak. Antaranya zakat membersihkan diri dan harta sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka. Dan do'akanlah untuk mereka.

(Surah at-Taubah : 103)

Melalui bantuan zakat, golongan yang tidak berkemampuan akan dapat merasakan adanya pertolongan, rasa tanggungjawab dan perikemanusiaan daripada golongan kaya dan perkara ini dapat menghapuskan rasa benci mereka terhadap golongan kaya. Selain itu pengeluaran zakat juga mengukuhkan ikatan persaudaraan, menambah rasa kasih sayang dan keakraban sesama masyarakat di samping menambah kesedaran tentang adanya hak orang lain dalam harta yang dimiliki. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang menahan diri (daripada memintanya).

(Surah adz-Dzariyat : 19)

Dari segi tarbiah, zakat mendidik dan membiasakan diri seseorang menjadi dermawan, pemurah dan suka membantu. Dalam masa yang sama dapat mengikis sifat kikir dan bakhil kerana keyakinan bahawa dengan mengeluarkan zakat itu tidak akan mengurangkan harta bahkan harta semakin bertambah. Selain itu, zakat juga mempunyai peranan dalam menjana perkembangan ekonomi kerana ia mampu mengurangkan jurang perbezaan kehidupan antara orang kaya dengan orang miskin.

Akibat Tidak Mengeluarkan Zakat Harta

Adapun orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat pula, mereka akan mendapat akibat dan balasan yang amat pedih di akhirat kelak sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kurnia kemurahanNya (enggan mengeluarkan harta di jalan Allah dan tidak mahu membayar zakat) menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Bahkan sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari Kiamat kelak. Dan kepunyaan Allah jualah segala warisan (yang ada) di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.

(Surah Ali 'Imran : 180)

Maksud "mereka akan dikalungkan" dalam ayat di atas ialah mereka akan dililit oleh seekor ular, sebagaimana dalam hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhunya, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Sesiapa yang dikurniakan harta oleh Allah namun dia tidak mengeluarkan zakatnya, nescaya pada hari Kiamat nanti hartanya itu dijadikan seekor ular berkepala licin (kerana sangat berbisa) yang mempunyai dua taring yang akan melilitnya. Kemudian ular tersebut akan menyambarnya dengan dua tulang rahangnya lalu ia berkata: "Aku adalah hartamu, aku adalah harta simpananmu."

Kemudian Baginda membaca ayat :

(...وَلَا تَحْسَبُ أَنَّ الْدِّينَ يَبْخُلُونَ...)

(Hadits riwayat

al-Bukhari)

Dalam surah at-Taubah pula disebut bahawa dahi, rusuk dan belakang orang yang tidak mengeluarkan zakat diselar dengan emas, perak dan harta benda yang dibakar pada hari Kiamat. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : (Iaitu) pada hari dibakar emas dan perak serta harta-benda itu dalam neraka Jahannam, lalu diselar dengannya dahi mereka dan rusuk mereka serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah apa yang kamu telah simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasakanlah (balasan azab daripada) apa yang kamu simpan (dengan tidak mengeluarkan zakatnya) itu".

(Surah at-Taubah : 35)


Hal ini juga dijelaskan dalam hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhunya, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Tidak seorang pun daripada pemilik emas dan perak (harta) yang tidak menunaikan hak hartanya itu melainkan pada hari Kiamat dicairkan untuk menjadi kepingan-kepingan logam daripada api. Kepingan-kepingan itu dipanaskan dalam neraka Jahannam, lalu rusuk, dahi dan belakangnya akan diselar dengan (kepingan-kepingan logam) itu. Setiap kali kepingan itu menjadi sejuk maka ia akan (dipanaskan) kembali. (Demikianlah berterusan) sepanjang hari yang kadar lamanya (satu hari itu bersamaan) 50 ribu tahun sehingga ditetapkan (kesudahan) hamba-hambanya. Maka dia akan tahu jalannya (kesudahannya) sama ada dia ke syurga atau ke neraka...

(Hadits riwayat Muslim)

Orang yang tidak mahu menunaikan zakat ternakannya pula akan mendapat balasan dipijak, ditanduk dan digigit oleh binatang ternakannya pada hari Kiamat. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhunya, iaitu sambungan daripada hadits di atas, setelah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam menjelaskan perihal pengabaian hak emas dan perak, Baginda ditanya lagi mengenai unta, lembu dan kambing. Baginda bersabda :

Maksudnya : Dan tidak seorang pun pemilik unta yang tidak menunaikan hak untanya itu dan antara haknya ialah memerah susunya pada hari (orang miskin) mendatangnya melainkan pada hari Kiamat dibiarkan unta-unta itu sebanyaknya di padang yang luas dan tidak berkurangan walaupun seekor memijak-mijak pemiliknya dengan tapak kakinya dan menggigit-gigitnya dengan mulutnya. Setiap kali unta yang pertama


 IRSYAD HUKUM
 جِبَاتٌ فِي كُلِّ حَالٍ
 Jabatan Mufti Kerajaan
 Jabatan Perdana Menteri
 Negara Brunei Darussalam
 Website : www.mufti.gov.bn
 E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

melaunya maka unta yang lain akan kembali (memijak dan menggigitnya). Demikianlah berterusan sepanjang hari yang kadar lamanya 50 ribu tahun sehingga ditetapkan (kesudahan) hamba-hambanya. Maka dia akan tahu jalannya (kesudahannya) sama ada dia ke syurga atau ke neraka...

Baginda ditanya lagi : Wahai Rasulullah! Bagaimana dengan lembu dan kambing?

Baginda menjawab: Dan tidak seorang pun pemilik lembu dan kambing yang tidak menunaikan hak lembu dan kambingnya itu melainkan pada hari Kiamat dibiarkan lembu dan kambing itu sebanyaknya di padang yang luas dan tidak berkurangan walaupun seekor, dan tidak ada yang bengkok tanduknya, dan tidak ada yang tidak bertanduk, dan tidak ada yang pecah tanduknya. (Lembu dan kambing itu) menanduk-nanduk pemiliknya dengan tanduknya dan memijak-mijaknya dengan tapak kakinya. Setiap kali lembu dan kambing yang pertama melaunya maka lembu dan kambing yang lain akan kembali (memijak dan menanduknya). Demikianlah berterusan sepanjang hari yang kadar lamanya 50 ribu tahun sehingga ditetapkan (kesudahan) hamba-hambanya. Maka dia akan tahu jalannya (kesudahannya) sama ada dia ke syurga atau ke neraka...

(Hadits riwayat Muslim)

Oleh yang demikian, apabila syarat-syarat wajib zakat pada harta itu sudah mencukupi, kita hendaklah menunaikan kewajipan zakat dengan segera. Melambat-lambatkan pembayaran zakat setelah tamakkun (kebolehlaksanaan pengeluaran zakat) adalah berdosa dan tidak mengeluarkan zakat pula akan mendatangkan akibat buruk kepada kita di Akhirat kelak. Zakat itu tetap dituntut walaupun pemilik harta yang wajib dizakat itu telah meninggal dunia.

MESKIPUN diketahui bahawa zakat adalah salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan, namun terdapat sesetengah orang yang bersikap kurang memberi perhatian terhadap zakat, kepentingan dan pelaksanaannya sehingga melengah-lengahkan untuk menunaikannya. Malah ada juga orang yang beranggapan bahawa mereka telah menunaikan tuntutan kewajipan zakat pada setiap kali datang bulan Ramadhan dan 'Idilfithri kerana bagi mereka zakat yang diwajibkan itu adalah zakat fitrah semata-mata sedangkan hakikatnya mereka belum lagi menunaikan zakat harta.

PASUKAN SATREA SERTAI ARDEX 2025



MAJLIS Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada Pasukan SATREA telah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) kepada Komander Pasukan SATREA Penguasa Kanan Bomba dan Penyelamat, Pengiran Azizul Rahman bin Pengiran Haji Yusop (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, enam orang pegawai kanan dan anggota daripada Pasukan SATREA JBP yang menyertai ASEAN Regional Disaster Emergency Response Simulation Exercise (ARDEX) 2025.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Julai. - Seramai enam orang terdiri daripada pegawai kanan dan anggota daripada Pasukan SATREA Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) telah berlepas ke Phnom Penh, Kemboja, hari ini bagi menyertai ASEAN Regional Disaster Emergency Response Simulation Exercise (ARDEX) 2025 yang akan berlangsung bermula 22 hingga 24 Julai 2025.

ARDEX merupakan latihan simulasi yang menghimpunkan pasukan tindak balas kecemasan dari negara-negara ASEAN bagi meningkatkan kerjasama serantau dalam pengurusan bencana.

Tahun ini, senario latihan melibatkan simulasi banjir besar akibat taufan yang menyebabkan bangunan runtuh, jalan rosak dan banjir, di mana SATREA akan menjalankan operasi pencarian, penyelamatan dan pengurusan mangsa dalam suasana bertekanan tinggi dan berisiko tinggi.

Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada Pasukan SATREA telah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah JBP kepada Komander Pasukan SATREA Penguasa Kanan Bomba dan Penyelamat, Pengiran Azizul Rahman bin Pengiran Haji Yusop dengan

harapan pasukan ini akan memberikan semangat dan komitmen tinggi mewakili negara ini semasa latihan ARDEX berkenaan.

SATREA merupakan Pasukan Bantuan Mencari dan Menyelamat (SAR) Khas yang ditubuhkan untuk memberi respons pantas terhadap panggilan berupa kompleks termasuk bencana berskala besar di dalam negara.

Penyertaan mereka dalam ARDEX 2025 merupakan satu platform penting untuk menguji tahap kesiapsiagaan, keberkesanan komunikasi, koordinasi rentas agensi dan keupayaan logistik dalam senario

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

bencana sebenar di luar negara.

Latihan ini turut memberi peluang kepada SATREA untuk mendapatkan pengalaman praktikal dan memperkukuhkan kompetensi teknikal selaras dengan piawaian International Search and Rescue Advisory Group (INSARAG).

Penyertaan ini juga memberi nilai tambah kepada usaha NBD dalam memperkukuhkan komitmen terhadap kerjasama serantau di

bawah ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (AADMER).

JBP mengucapkan selamat maju jaya kepada Pasukan SATREA dalam menjalankan tanggungjawab besar ini dan berharap mereka akan kembali dengan ilmu, pengalaman serta pengiktirafan yang dapat menyumbang ke arah kecemerlangan perkhidmatan penyelamatan negara.

Tinjauan kesedaran pengguna tentang pembayaran digital

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Julai. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Baiduri Bank Berhad, Standard Chartered Bank (SCB), dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) akan menjalankan tinjauan sebagai sebahagian daripada usaha persediaan untuk membangunkan Pelan Hala Tuju Pembayaran Digital (2026-2030). Tinjauan akan berlangsung dari 21 Julai hingga 10 September 2025.

Tinjauan ini akan menilai penggunaan, keutamaan, cabaran dan kesedaran orang ramai mengenai pembayaran digital. Hasilnya akan membantu dalam membentuk pembangunan strategi untuk pelan hala tuju yang akan datang, memastikan pembayaran digital di Negara Brunei Darussalam adalah mudah, selamat dan sejajar dengan keperluan pengguna.

Tinjauan akan diadakan secara dalam talian melalui laman sesawang rasmi BDCB dan secara peribadi. Bank yang mengambil

bahagian akan mengedarkan tinjauan kepada pelanggan yang masuk atau terpilih. Dalam menyokong inisiatif dan untuk mencapai hasil tinjauan, pelanggan bank-bank digalakkan untuk memberikan pengalaman jujur mereka semasa melengkapkan tinjauan.

BDCB juga ingin berkongsi bahawa semua maklum balas akan dirahsiakan. Selanjutnya, BDCB tidak akan mengumpul sebarang maklumat peribadi kecuali data demografi berikut: kumpulan umur, tempat tinggal (kampung sahaja), jantina, status pekerjaan dan

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

pendapatan bulanan.

Oleh itu, orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati dengan sebarang tinjauan yang mungkin menyamar sebagai BDCB dan cuba mengumpul maklumat peribadi dan kewangan melebihi

yang dinyatakan di atas, seperti butiran akaun bank, butiran kad kredit/debit, dan sebagainya.

Untuk pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai tinjauan, sila hubungi BDCB di +673 2381373 atau e-mel psa@bdc.gov.bn.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAAN ALLAH
كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

MANUSIA diciptakan untuk beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Adz-Dzaariyaat, ayat 56 yang mafhumnya :

"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah Aku".

Ibadah merupakan perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bakti kepada Tuhan. Ini membawa maksud bahawa ibadah dalam Islam ialah menghambakan diri kepada Allah Tuhan Yang Maha Esa dengan segala sifat-sifat kesempurnaan-Nya sebagaimana perintah Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah An-Nisaa', ayat 36 yang mafhumnya :

"Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu

Al-Quran sumber ibadah

apa pun..."

Sebagai seorang Muslim, menunaikan ibadah merupakan salah satu bukti ketaatan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala. Tujuan beribadah ialah menghasilkan ketakwaan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 21 yang mafhumnya :

"Wahai manusia! Sembahlah Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa".

Jelas pada firman Allah Subhanahu Wata'ala bahawa melaksanakan ibadah ialah untuk mendapatkan ketakwaan dan sesungguhnya Allah bersama golongan hamba-Nya yang bertakwa sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 194 yang mafhumnya :

"... Dan bertakwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang bertakwa".

Al-Quran pula diturunkan dengan tujuan

yang meliputi segala hal ehwal pelaksanaan ibadah seperti sembahyang, zakat, puasa, haji dan umrah, sedekah, zikir dan sebagainya. Inti pati ibadah bagi seorang Muslim ialah satu ikatan langsung di antara hamba dan juga Tuhannya dan justeru itu seorang Muslim perlu memahami Al-Quran untuk mencerna konsep ibadah dengan sebaiknya.

Al-Quran merupakan sumber penyelamat umat manusia daripada kemungkaran, kebinasaan, kekufuran dan kejahatan. Allah Subhanahu Wata'ala telah memberikan berbagai jenis ibadah di dalam Al-Quran yang perlu dilaksanakan oleh hamba-Nya sebagai tanda keyakinan dan keimanan terhadap kebenaran agama Islam. Ibadah yang merangkumi ibadah jasmani, harta dan juga rohani ialah ibadah syumul yang dipandu oleh Al-Quran yang bukan sahaja untuk dibaca bahkan ditadabburi dan dipraktikkan dalam amalan kehidupan seharian.

Sebagai seorang Muslim, ibadah adalah dituntut untuk melaksanakannya secara istiqamah sepertimana firman Allah Al-Quran di dalam Surah Al-Ahqaaf, ayat 13 - 14 yang mafhumnya :

"Sesungguhnya orang-orang yang berkata : "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka meneguhkan pendirian maka tidaklah ada ketakutan atas mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita. Mereka itulah ahli syurga, mereka kekal di dalamnya sebagai ganjaran bagi apa yang mereka telah kerjakan".

Inilah adalah dalil bahawa Allah Subhanahu Wata'ala menyeru segala ciptaan-Nya untuk beribadah kepada-Nya dengan berpandukan kalamullah iaitu Al-Quran. Allah Subhanahu Wata'ala menyatakan bahawa hamba-Nya yang melaksanakan ibadah kerana-Nya semata-mata dan kemudian istiqamah maka mereka adalah ahli syurga. Oleh itu, umat Islam perlu mendidik diri untuk melaksanakan ibadah dan istiqamah untuk menggapai reda Allah dan seterusnya mengharapkan sebaik-baik balasan di akhirat.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كَالِي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كَالِي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كَالِي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُبِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُوْنِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اَللّٰهُمَّ اَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيْعِ الْمُسْلِمِيْنَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَفَنَّا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كَالِي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَن ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقَدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضِّى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kamil! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِىْ،
فَاَعْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُقَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
(48) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Trees and Wild Bushes Cutting and Trimming at Hassanal Bolkiah National Sports Complex (Zone D, Zone E and Zone F)

Bilangan Tawaran:
(49) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Membekal dan Menghantar Cat Padang Bola Sepak bagi Penambahan Stok Pusat Stor, Jabatan Belia dan Sukan

Bilangan Tawaran:
(50) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Pakaian Seragam bagi Jawatan Atendan, Penjual / Pemungut Tiket, Pemeliharaan Kawasan, Penjaga Bangunan dan Pembersih. Jabatan Belia dan Sukan

Bilangan Tawaran :
(51) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Supply and Installation of New Carpet with All Necessary Accessories at Stadium Negara Hassanal Bolkiah

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
7 Ogos 2025.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JPI / 04 / 2025

Tajuk :
To Conduct Feasibility Study Assesment For Sustainable Aquaculture At New Fish Cage Culture Sites, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 September 2025.



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

24 / BBS / SH / BKA / 2025 - 2026
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Pada Bangunan Rumah Persinggahan Kerajaan Kuala Belait, Jalan Maulana Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01)

25 / BBS / SH / BKA / 2025 - 2026
Sebut Harga Bagi Anti - Termite Treatment Works To Bangunan Perkhidmatan Dan Pemeliharaan Kawasan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria At Lorong Setia Diraja Kuala Belait.

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KBP05)

Yuran Tawaran
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
5 Ogos 2025. (Selasa)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2024 / GSU / TA / 004
Purchase Of Assorted Shoes And Boots (Various Sizes) For Gurkha Security Unit

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 29 Julai 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 5 Ogos 2025.
2.00 Petang.



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
2025 / TDD / EOI / 02

Tajuk Tawaran:
Invitation For Expression Of Interest (EOI) - "To Engage An Exhibition Developer Specialist For The Interior Design And Build Of The Kampong Ayer Cultural And Tourism Gallery, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam"

Tarikh Buka Tawaran:
Sabtu, 5 Julai 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 14 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
TUTB / LELONG / 2025 – 2026 / 01

Keterangan:
39 Buah CPU Pelbagai Jenis

Bertempat:
Bilik Penyimpanan CEB-L3.02 (Tutorial Room 9)

Tarikh Mula:
22 Julai 2025 (Selasa)

Tarikh Melihat, Mengambil Dan Menghantar Borang Tawaran (Waktu Bekerja) :
22 Julai 2025 (Selasa)
Hingga 5 Ogos 2025 (Selasa)

Isnin Hingga Khamis:
8.30 Pagi Hingga 11.30 Pagi
1.30 Petang Hingga 3.00 Petang

Sabtu:
8.30 Pagi Hingga 10.30 Pagi
1.30 Petang Hingga 3.00 Petang

Tarikh Menghantar Borang Tawaran Ke Dalam Peti Tawaran:
5 Ogos 2025. Sebelum Jam 12.00 Tengah Hari (Selasa)
(Membuka Peti Tawaran)



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
Maintenance Service Contract – Alcatel PABX System For Department Of Civil Aviation
ATELS / 2025 / SH-25

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
23 Julai 2025, Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
5 Ogos 2025, Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
6 Ogos 2025, Rabu.
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 047 / 2025

Tajuk:
Bukit Panggal Combined Cycle Power Station - Phase II (Engineering, Procurement, Construction, Installation and Commissioning, EPCIC)

Tarikh Tutup:
14 Oktober 2025.
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Harga Dokumen :
BND5,005.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama,
Aras 1 Bangunan
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam



**INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga:
ITQSHHB / P / B / PK / 2006 / 4
(25 - 26) - TP
Term Contract (12 Months) For Janitorial Services At Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Block 2H Jalan Ong Sum Ping, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Sebut Harga:
ITQSHHB / P / B / PK / 2006 / 4
(25 - 26) - TL
Term Contract (12 Months) For Janitorial Services At Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Rabu, 3 September 2025.



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

1. JPt / SH / 01(A) / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Mengganti Cold Storage Unit Di Stor Pusat Pertanian Mulaut, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

2. JPt / SH / 49 / 2025 - 2026
Membekal, Menghantar, Memasang Dan Menguji Satu (1) Unit Biosafety Cabinet Untuk Makmal Mikrobiologi

3. JPt / SH / 50 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Meroboh Struktur Bangunan Lama Dan Usang Bersebelahan Di Premis Bangunan Inkubator, KKP Sinaut, Daerah Tutong

4. JPt / SH / 51 / 2025 - 2026
Term Contract For Grasscutting Services For Irrigation Pipeline Areas And Drainages Under Agriculture And Agrifood Department For A One (1) Year Period

Tarikh Tutup:
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Khamis, 21 Ogos 2025.

Borang Sebut Harga:
BND7.00





**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
V (IV & V) sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 020 / 2025 –
(SWE).T.V

Nama Projek:
Penyambungan Pembetulan
Bagi Kg. Pandan

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 5 Ogos 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 16 September 2025.
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
Mod Approved Lift Contractor

Kategori:
KPME02

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
5 Ogos 2025. (Selasa)
Tidak Lewat Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup:
19 Ogos 2025. (Selasa)
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-LE / 26 / 2025

Nama Projek:
Pemeliharaan Lif dan Eskalator
'Schindler' Di Bangunan
Kementerian Kewangan Dan
Ekonomi Bagi Tempoh Tiga
(3) Tahun - Tawaran Semula

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)



Dibukakan kepada
Pemborong-Pemborong
yang berdaftar di dalam

Kelas:
V & VI sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
16 Julai 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 5 Ogos 2025.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 12 Ogos 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 09 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
'ADHOC', Protokol dan Serta
Merta, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
V Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
5 Ogos 2025. (Selasa)

Tarikh Tutup:
19 Ogos 2025. (Selasa)
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 023 / 2025

Nama Projek:
Menaiktaraf Sistem
Pembetulan Bagi Mukim Kuala
Belait dan Mukim Seria, Daerah
Belait.

No. Projek:
DDS 1217-009 / ADBT-03

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
29 Julai 2025. (Selasa)

Tarikh Tutup:
12 Ogos 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 024 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Untuk
Mengendalikan Dan Memelihara
Loji Kumbahan Kampung Pandan,
Kuala Belait Bagi Tempoh 24 Bulan

No. Projek:
2025ADKB/2106/002-003-008

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



Bilangan Tawaran:
KK / 173 / 2025 / SSBH (TC)

Keterangan:
The Provision Of Comprehensive
Maintenance Services For
Sterilizing Equipment And
Associated Installation At Suri Seri
Begawan Hospital, Kuala Belait
For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 175 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
The Provision Of Cleaning
Services For The National Dental
Centre, Department Of Dental
Services, Ministry Of Health For
A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 176 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
The Provision Of Security Services
For The National Dental Centre,
Department Of Dental Services,
Ministry Of Health For A Period Of

Five (5) Years
Eligibility: Registered with
Ministry of Health and licensed
with Security Agency licensing
Division, Royal Brunei Police
Force

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 179 / 2025 / JPR / (TC)

Keterangan:
Provision Of Automated Peritoneal
Dialysis Services For The
Department Of Renal Services,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND2,000.00

Bilangan Tawaran:
KK / 181 / 2025 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 182 / 2025 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:

BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 183 / 2025 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 184 / 2025 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Testing Kits
For Rapid Molecular Resistance
Gene Detection With Equipment
Rental For The National
Mycobacteria Reference
Laboratory, Department Of
Laboratory Services,
Ministry Of Health For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 185 / 2025 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver
Reagents And Consumables With
Equipment Rental For Automated
And Semi-Automated Urine
Analysers For National Clinical
Microbiology Reference
Laboratory And District
Laboratories, Department Of
Laboratory Services,

Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 186 / 2025 / ESTETRI-PASH

Keterangan:
Replacement Of Water-Cooled
Chiller, Cooling Tower And
Associated Parts At Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha Hospital
Eligibility: Registered with
Ministry of Health and
Ministry of Development

Class:
III and Above
Category:
M01

Yuran Tawaran:
BND50.00

Tarikh Tutup:
29 Julai 2025.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.



UNISSA / SB0043 / 2025 / 2026
Perkhidmatan Penggambaran Dan
Fotografi Graduan Pada Majlis
Hafl Al-Takharrij Ke-15
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

UNISSA / SB0045 / 2025 / 2026
Membekal Dan Menghantar
Perabot Bagi Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu.
30 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.





**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 06 / 2025 - 2026

Keterangan:
Mencetak Ulang, Membekal dan Menghantar Buku-Buku Teks Persekolahan Ugama Darjah IV Hingga VI, Bagi Sesi Pembelajaran Tahun 2026, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1447H-1448H / 2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 5 Safar 1447H /
30 Julai 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran 1

Term Contract For Form Tender Fire Trucks Maintenance Services & S.O.R Spareparts Services Department Of Civil Aviation JPA / AME / 2025 – 2026 / 02 / M / 01 & 02

Tajuk Tawaran 2

To Repair And Replacement Parts For Fire Truck BG4985 (F1) JPA / AME / 2025 – 2026 / 03

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
23 Julai 2025, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
11 Ogos 2025, Isnin
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
12 Ogos 2025, Selasa

Kepada:
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Tingkat 4, Jalan Menteri Besar Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam



Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 06 /
2025-2026

Keterangan:
Mencetak Ulang, Membekal dan Menghantar Buku-Buku Teks, Persekolahan Ugama Darjah IV Hingga VI, Bagi Sesi Pembelajaran Tahun 2026, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
5 Safar 1447H /
30 Julai 2025M.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

1. Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 48 /
BPPK / 14

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Dua (2) Unit Vakum Untuk Jalan Raya Bagi Penggunaan Kakitangan Bahagian Perkhidmatan Perbandaran dan Kebersihan, Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan.

2. Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 22 /
BPPK / 10

Tajuk Sebut Harga:
Two (2) Years Term Contract To Supply And Delivery Parts And Accessories Of Brush Cutter / Blower For Seksyen Keindahan dan Kebersihan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 31 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

**Jabatan Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam**

Pemberitahuan Sebut Harga

1. Bilangan Tawaran :
JPKK / JKSH2526-QTN.02 / FSS

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perabot Pejabat Untuk Kegunaan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan

2. Bilangan Tawaran:
JPKK / JKSH2526-QTN.03 / FSS

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perabot Pejabat Untuk Kegunaan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan

Tarikh Tutup / Jam:
26 Julai 2025 - Sabtu.
(9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga, Jabatan Perbendaharaan Tingkat 2, Tower Block Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam



JABATAN PERDANA MENTERI

**Jabatan Perkhidmatan
Pengurusan,
Jabatan Perdana Menteri**

Tajuk Sebut Harga:
JPP / 1 / 3 / 16 / 3 / 25 - 26
Supply and Delivery of Printer Catridges for Management Services Department, Prime Minister's Office, Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan

Yuran Sebut Harga (E-dokumen):
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 13 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
Open

Kategori :
KPB11A Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 5 Ogos 2025.

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 19 / STE / 2025-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tiang Struktur Bangunan Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Saba, Bandar Seri Begawan

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 20 / STE / 2025-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tiang Struktur Bagi Masjid Kampung Bengkurong

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 Ogos 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**

UNISSA / SB0044 / 2025 / 2026 –
Repair Works At Hostel Building For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
30 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
B01 / KPB02

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM020 / 2025

Bil. Projek
2025DBSBM / JAIN.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Kalis Air Pada Laluan Beratap Di Kawasan Lapau

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Kelas:
III & IV Sahaja

Kategori:
S02

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM021 / 2025

Bil. Projek
JKR / DBS / IMU02 / 2025

Nama Projek:
Perkhidmatan Janitori Selama 52 Minggu Di Projek Jalan Tutong, Jalan Permaisuar, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Kelas:
-

Kategori:
P06

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM022 / 2025

Bil. Projek
2025DBSBM / JKR.04

Nama Projek:
Pengangkutan Alat-Alat Perabot Dan Menyusun Ke Tempat Yang Khas Bagi Rumah Pangsa / Berek Dan Banglo Kerajaan Bagi Kawasan Brunei / Muara, Tutong Dan Temburong Bagi Tempoh (18) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
22 Julai 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
5 Ogos 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



MINGGU LAUT BRUNEI LANCARKAN 3 ANUGERAH NATIONAL OCEAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Poni Divers



MINGGU Laut Brunei melancarkan 3 Anugerah National Ocean; Ocean Hero, Ocean Youth Grant dan Ocean Voices untuk mengiktiraf dan memperkasakan individu serta memperluaskan perjuangan mereka bagi memberi inspirasi kepada belia untuk memimpin pemuliharaan laut melalui impak, inovasi dan ekspresi kreatif (atas, bawah dan bawah sekali).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Julai. – Minggu Laut Brunei melancarkan tiga Anugerah National Ocean bagi mengiktiraf menghargai tokoh pemuliharaan laut yang akan terus membawa misi meraikan dan melindungi ekosistem marin Brunei sepanjang tahun. Antara anugerah tersebut ialah Ocean Hero, Ocean Youth Grant dan Ocean Voices.

Ini merupakan pertandingan video direka untuk mengiktiraf dan memperkasakan individu serta

memperluaskan perjuangan mereka bagi memberi inspirasi kepada belia untuk memimpin pemuliharaan laut melalui impak, inovasi dan ekspresi kreatif.

Anugerah Ocean Hero bertujuan memberi tumpuan kepada individu tempatan yang telah menunjukkan dedikasi luar biasa dalam bidang seperti pendidikan (literasi laut, penglibatan belia, peningkatan kesedaran); budaya (amalan tradisional, penceritaan, seni, atau warisan); komuniti (tindakan akar

umbi, kerja sukarela, jangkauan masyarakat) atau lain-lain (sukan, perniagaan, inovasi).

Ciri-ciri pencalonan adalah daripada pelbagai latar belakang termasuk pemimpin komuniti atau pendidik, individu daripada NGO atau inisiatif akar umbi, usahawan atau inovator, wira sukan, jurulatih, tenaga pengajar dan pemimpin dari komuniti perikanan dan laut.

Penerima anugerah akan menerima Anugerah Ocean Hero bersama hadiah wang tunai sebanyak BND500, Kursus Menyelam RAID dan Sijil Reef Guru Conservation Diver. Pemenang juga akan menerima sokongan media profesional termasuk video reel, paparan di media sosial, artikel dalam akhbar dan majalah serta liputan meluas di saluran media tempatan untuk memperkukuh perjuangan mereka. Penerima Anugerah Ocean Hero juga akan mendapat akses eksklusif kepada peluang latihan industri, bimbingan, program, geran, dan peluang kerja yang berimpak tinggi.

Pencalonan kini dibukakan dan akan berlangsung sehingga 3 Ogos 2025. Tiga finalis teratas akan diumumkan pada 8 Ogos 2025 bersama siaran video pendek mengenai ketiga-tiga finalis untuk undian orang ramai melalui media sosial. Orang ramai boleh menyokong Ocean Hero pilihan mereka dari 8 hingga 11 Ogos 2025. Undian tersebut akan menyumbang 10 peratus daripada

jumlah markah dalam penilaian.

Anugerah Ocean Youth Grant pula menyediakan platform untuk para penggerak perubahan muda tempatan bagi merealisasikan idea berani kepada impak sebenar. Terbuka kepada individu atau pasukan (sehingga lima orang ahli) yang berumur 35 tahun ke bawah, geran ini menyokong projek yang menangani cabaran utama laut seperti pemuliharaan terumbu karang, pencemaran plastik, akuakultur lestari, pendidikan laut dan ketahanan iklim.

Pemenang akan menerima geran sebanyak BND3,000, yang merangkumi bimbingan dari Brunei Innovation Lab dengan sokongan daripada Kumpulan Poni, peluang ujian perintis, serta akses rangkaian dengan pemimpin dalam bidang marin dan kelestarian. Penyerahan memerlukan pitch deck dan video pembentangan pendek dan dihantar selewat-lewatnya 5 Ogos 2025. Tiga finalis terbaik akan diumumkan pada 9 Ogos 2025.

Seterusnya, anugerah menyasarkan belia berumur 12 hingga 21 tahun iaitu Pertandingan Video Ocean Voices yang mana para peserta diarahkan untuk menghantar video berdurasi 1 hingga 2 minit yang menarik berkaitan tema-tema laut seperti tanggungjawab individu, penjagaan antara generasi dan kepentingan ekosistem marin.

Inisiatif ini menggalakkan penceritaan yang dipimpin oleh

belia sebagai cara untuk menginspirasi kesedaran dan tindakan terhadap lautan. Pemenang akan menerima hadiah wang tunai BND250, kursus selam skuba percuma, serta liputan meluas melalui platform digital dan media Minggu Laut Brunei. Semua penyertaan mesti dihantar sebelum atau pada 5 Ogos 2025.

Pemenang bagi ketiga-tiga anugerah akan diberi penghormatan dan anugerah pada acara Ocean Gala Night yang akan berlangsung pada 12 Ogos 2025. Sebagai kemuncak Minggu Laut Brunei 2025, Ocean Gala Night merupakan malam berprestij yang meraikan kepimpinan dalam bidang kelautan, impak komuniti serta kuasa belia dan kolaborasi.

Ketiga-tiga anugerah ini mencerminkan komitmen jangka panjang Minggu Laut Brunei untuk memupuk budaya penjagaan laut merentas generasi. Dengan mengiktiraf usaha akar umbi, menyokong inovasi belia, dan memperkasakan suara anak muda, anugerah ini bertujuan untuk menggalakkan penglibatan berterusan yang melangkaui tempoh program mingguan.

Dengan portfolio acara laut yang terus berkembang, Minggu Laut Brunei merancang untuk memperluaskan anugerah kebangsaan ini setiap tahun dengan lebih banyak dana, bimbingan profesional, dan kategori tambahan.



CAR AUCTION 2025

1998 MERCEDES S-CLASS (W140)
1997 DAIMLER DOUBLE SIX V12

Tarikh:

21 Julai 2025 – 02 Ogos 2025

Tempat:

Rimba Depot
Jalan Dang Kumala Kampong Rimba

Waktu bagi melihat kenderaan dan menghadapakan tawaran:

Isnin - Sabtu	9:00 Pagi – 11:00 Pagi 2:00 Petang – 4:00 Petang
Jumaat	9:00 Pagi – 11:00 Pagi 2:00 Petang – 4:00 Petang
Ahad	TUTUP

Tarikh Tutup: 02 Ogos 2025 @ 4.00 Petang

Borang Tawaran: \$20.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran melalui Debit/Kredit Sahaja

HAYATI HIJRAH RASULULLAH DALAM MENGGAPAI RAHMAT ALLAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Julai. - Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah bukan sekadar peristiwa sejarah atau perpindahan fizikal, tetapi ia adalah lambang pengorbanan, perubahan nilai, dan langkah menuju keredaan serta rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam konteks hari ini, menghayati hijrah bermaksud melakukan perubahan diri daripada keburukan kepada kebaikan, daripada kelalaian kepada kesedaran, daripada cinta dunia kepada cinta akhirat demi menggapai rahmat Allah yang Maha Luas.

Demikian antara inti pati

ceramah bertajuk 'Menghayati Hijrah Rasulullah Dalam Menggapai Rahmat Allah' yang disampaikan oleh Penolong Profesor Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 yang berlangsung di kediaman salah seorang ahli Persatuan Bekas Guru Agama (PERGA) di Kampung Masin, hari ini.

Dr. Haji Noralizam juga menerangkan konsep hijrah dari segi bahasa bermaksud berpindah atau meninggalkan dan dari sudut syarak pula, ia bermaksud berpindah dari sesuatu yang dimurkai Allah kepada yang diredai-Nya.

Hijrah katanya, bukan hanya berlaku secara zahir, tetapi juga dalam bentuk rohani dan spiritual, iaitu berpindah daripada maksiat kepada taubat, daripada kelekatan kepada ketaatan.

Menurut Dr. Haji Noralizam lagi, rahmat Allah ialah kasih sayang, keampunan dan kurnia-Nya yang meliputi semua makhluk.

Rahmat itu tambahnya, merangkumi nikmat dunia, keselamatan di akhirat, dan paling agung ialah kemasukan ke dalam syurga.

Walaupun banyak amalan dilakukan ujarnya, seseorang

PENOLONG Profesor Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menyampaikan ceramah bertajuk 'Menghayati Hijrah Rasulullah Dalam Menggapai Rahmat Allah' (bawah kiri). Sementara gambar kanan, antara yang hadir di majlis tersebut.

hanya masuk syurga dengan rahmat Allah, bukan semata-mata hasil amalan.

Sementara dari sudut pengorbanan sahabat demi rahmat Allah, Dr. Haji Noralizam selanjutnya menjelaskan, para sahabat Radiallahu Anhu menunjukkan kesungguhan luar biasa dalam mengejar rahmat Allah.

"Mereka meninggalkan harta, keluarga dan tanah air semata-mata untuk berhijrah bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Mereka mengutamakan Allah dan Rasul-Nya melebihi segala-galanya. Kaum Ansar pula membuka rumah dan hati untuk menerima saudara Muhajirin.

"Ini adalah contoh nyata hijrah demi mencari rahmat Ilahi," ujarnya.

Hijrah tambahnya lagi, mengajar kita tentang kepentingan niat dalam amalan dan hanya amalan yang diniatkan kerana Allah akan membawa rahmat dan diterima.

Dari segi aspek mengikut jejak langkah Rasulullah Sallallahu



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Alaihi Wasallam, Dr. Haji Noralizam juga menekankan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri adalah rahmat kepada seluruh alam.

Dengan mencontohi akhlak, perjuangan dan sunnah Baginda tambahnya, kita sedang menempuh jalan menuju rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Jelasnya lagi, hijrah juga mengajar nilai ihsan, iaitu berbuat baik dengan penuh ikhlas kepada semua makhluk. Allah menjanjikan rahmat kepada mereka yang berbuat ihsan dan ia bukan hanya dalam ibadah, bahkan dalam muamalah, dakwah, dan kehidupan seharian dan semuanya

menjadi jalan kepada rahmat Allah.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar diikuti Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Di-Pertua PERGA, Awang Haji Abdul Rahim bin Haji Gantang.

Sementara, Doa Awal Tahun dibacakan oleh Awang Haji Jayah bin Buntar, manakala Kumpulan Firqatul Zayan pula mempersembahkan Tausyeh.

Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir.

Automotive Career Day 2025 dedah peluang kerjaya kepada pelajar IBTE

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

GADONG, Selasa, 22 Julai. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) pagi tadi telah menganjurkan Automotive Career Day 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, IBTE Kampus Mekanikal, Kampung Tungku, yang menghimpunkan para pelajar, tenaga pengajar serta syarikat-syarikat terkemuka dalam industri automotif tempatan di bawah satu bumbung.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Pemangku Ketua

Eksekutif IBTE juga selaku Pengarah Pendidikan Teknikal, Dr. Suhaimi bin Haji Abdul Wahab.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua IBTE Central, Awang Armi Durani bin Haji Durhman, yang antara lain menjelaskan bahawa acara tersebut merupakan satu inisiatif penting bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman pelajar terhadap industri automotif serta pihak-pihak berkepentingan utamanya.

"Kami juga berharap melalui

acara ini, hubungan antara IBTE dan industri automotif dapat terus diperkukuhkan, sekali gus membuka ruang kepada kerjasa yang lebih bermakna pada masa hadapan," ujarnya.

Menurutnya, berdasarkan Kajian Pekerjaan Graduan IBTE 2023, hanya 30 orang graduan HNTec berjaya memperoleh pekerjaan dalam bidang berkaitan program pengajian mereka. Namun pada tahun 2024, jumlah tersebut menurun kepada hanya sembilan orang graduan sahaja.

Angka ini jelas menunjukkan keperluan mendesak untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai laluan kerjaya yang tersedia dalam sektor automotif tempatan.

Tambahnya, kesedaran kerjaya amat penting khususnya bagi pelajar baharu yang masih di peringkat awal pengajian. Dengan pendedahan awal kepada realiti dan peluang industri, ia diharap

dapat menyalakan minat pelajar, membantu mereka menetapkan matlamat yang jelas dan terus kekal bermotivasi sepanjang pengajian mereka.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang acara tersebut termasuklah sesi perkongsian oleh alumni, pameran kerjaya serta peluang rangkaian bersama wakil-wakil industri.

Sebanyak 10 syarikat dan agensi mengambil bahagian dalam acara berkenaan dengan mengetengahkan pelbagai peluang dalam industri automotif dan sektor berkaitan.

Antara yang turut serta ialah Berjaya Motors Sdn. Bhd., Inchcape Sdn. Bhd., Grand Motors Sdn. Bhd., Premier Motor Co. Sdn. Bhd., Y Generation Enterprise, Setia Motors Sdn. Bhd., Sime Darby Brunei, Happy Motoring Co. Sdn. Bhd., Sekretariat Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Brunei dan Angkatan Bersenjata

Diraja Brunei.

Salah satu tarikan utama acara ini ialah Pameran Kenderaan Elektrik (Electric Vehicle Showcase) yang memberikan peluang kepada pengunjung untuk melihat teknologi EV terkini. Antara kenderaan yang dipamerkan ialah GWM Ora dan NETA V, ICE: GEM Tank oleh Berjaya Motors Sdn. Bhd. serta Hyundai EV KONA oleh Setia Motors Sdn. Bhd.

Automotive Career Day 2025 mencerminkan komitmen berterusan IBTE dalam memperkukuh hubungan kerjasa dengan sektor automotif, di samping mempersiapkan pelajar melalui pembelajaran secara praktikal dan latihan yang relevan dengan kehendak industri, sejajar dengan Pelan Strategik IBTE 2025-2030.

Turut hadir di majlis tersebut ialah wakil-wakil industri, tenaga pengajar serta para pelajar dari pelbagai kampus IBTE.

Bantu kesan pekerja lari daripada majikan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Bandar ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja perempuan warganegara Indonesia yang dipercayai lari daripada majikan, iaitu Sri Rahayu, berusia 36 tahun, dengan nombor pasport E2891552.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Bandar menerusi talian +673 2242334 / 5 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



SRI Rahayu, 36 tahun, nombor pasport E2891552.



PEMANGKU Ketua Eksekutif IBTE juga selaku Pengarah Pendidikan Teknikal hadir selaku tetamu kehormat di Automotive Career Day 2025 di Dewan Serbaguna, IBTE Kampus Mekanikal, Kampung Tungku.

Muka 2.

PELITA BRUNEI Hari Rabu, 21 Julai, 1965.

SHARIKAT MINYAK SHELL HADIAHKAN BEASISWA KAPADA 28 ORANG PENUNTUT2

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei mengumumkan pemberian tiga beasiswa Sekolah Menengah Tinggi kepada tiga orang anak para pekerja-nya untuk tahun 1965. Selain dari beasiswa Menengah Tinggi tersebut, Sharikat Minyak itu mengumumkan juga pemberian 25 buah beasiswa Senior Cambridge kepada 11 orang budak2 lelaki dan 14 orang budak2 perempuan yang semua-nya ada-lah anak2 para pekerja-nya.

BEASISWA MENENGAH TINGGI

Tiga orang penuntut2 yang memenangi beasiswa Menengah Tinggi tahun ini ia-lah: Kok Fhoon, yang sekarang sedang menuntut di-Bukit Bintang Boys' Secondary School, Kuala Lumpur; Frank Singh, menuntut di-St. Michael's School, Seria dan Nona Siew Phin, menuntut di-St. Columba's School, Miri.

BEASISWA SENIOR CAMBRIDGE

Perempuan — Nona Juliana Tiong, St. Angela's Convent, Seria; Nona Veraline Chua, St. Angela's Convent, Seria; Nona Annie Lee, St. Angela's Convent, Seria; Dayangku Mariam, anak perempuan Pengiran Matarsat bin Pg. Mohamad, Maktab Anthony Abell, Seria.

Nona Elizabeth Wong, St. Margaret's School, Seria; Nona Agnes Chai, St. Angela's Convent, Seria;

Nona Agnes Juttie, St. Margaret's School, Seria.

Nona Carol Ann dan Nona Valerie Celine, St. Angela's Convent, Seria; Nona Bella Foo, St. Angela's Convent, Seria; Nona Susan Mathews, St. Phillip and St. James' School, Kuala Belait.

Nona Eileen Pilai, St. Margaret's School, Seria; Nona Jessie, St. Angela's Convent, Seria; Nona Choi Khun, St. Margaret's School, Seria.

Lelaki: Ronald Shim, St. Michael's School, Vincent Wong, St. Margaret School; Lap Sing Chow, St. Michael's School, Yam Ming Boon, St. Margaret's School; Francisco, St. Michael's School; V. P. Nanda Kumaran, St. Michael's School.

Rajan, St. Michael's Timothy, St. Margaret's; Nelson, St. Margaret's; Khoo Chye, St. Michael's; Joseph Hak Hin, St. Michael's School, Seria.

Sambutan Maulud di-Sengkurong

SENGKURONG. — Penduduk2 di-Mukim Sengkurong telah menyambut Hari Kelahiran Nabi Mohamed s.a.w., dengan mengadakan satu majlis yang meriah di-Sekolah Melayu Sengkurong pada malam 17 Julai, 1965.

Ramai penduduk2 di-Mukim Sengkurong dan lain2-nya telah hadir di-majlis itu.

Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin telah melafadzkan satu Sharahan Khas di-majlis tersebut, mengandungi riwayat hidup Junjongan Kita Nabi Mohamed s.a.w. di-samping memberikan nasehat2 yang berfaedah kepada Umat Islam di-Negeri Brunei.

Majlis itu di-mulai dengan ucapan alu2an oleh Setia Usaha Sambutan itu, Awang Md. Tamit bin Haji Mangol. Kemudian dituruti dengan persembahan Lagu Nashid oleh murid2 Sekolah Ugama Sengkurong dan ucapan oleh Pengerusi sambutan tersebut, Awang Abdul Manaf bin Jambul.

Sa-lepas itu telah di-adakan Peraduan Bachaan Al-Kura'an Bahagian Kanak2 Lelaki dan Pe-

rempuan serta Orang2 Dewasa Lelaki dan Perempuan serta juga Peraduan Sharahan Ugama Bahagian Kanak2 dan Orang2 Dewasa, Lelaki dan Perempuan yang tinggal di-Mukim Sengkurong.

Kemonchak dari acara2 tersebut ia-lah Persembahan Tablo berjudul "Pembalasan".

Tablo itu di-persembahkan oleh Persatuan Belia Sengkurong, di-bawah arahan Awang Tuah bin Noordin.

Penasehat Sambutan Maulud Nabi Mohamed s.a.w., Mukim Sengkurong, Awang Sulaiman bin Haji Salleh, telah berucap sa-lepas di-adakan persembahan Tablo itu.

Kemudian Penghulu Mukim Sengkurong, Yang Mulia Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman bin Haji Tamit, telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam Peraduan2 Bachaan Al-Kura'an dan Sharahan.

Majlis itu di-tamatkan dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Awang Abdullah bin Muhammad pada pertengahan malam.

PELUKIS DEWAN BAHASA Berchuti Di-Tanah Ayer

BANDAR BRUNEI. — Awangku Asmalee bin Pengiran Ahmad, sa-orang Pelukis Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei telah kembali ka-Brunei dari England baru2 ini untuk berchuti di-Tanah Ayer.

Beliau telah ber-angkat ka-England da-lam bulan September

tahun 1963 untuk menghadiri Kursus Seni Lukis di-Maktab Lukisan Hornsey, London selama empat tahun.

Awangku Asmalee akan balek ka-England pada 19 September akan datang untuk meneruskan lathan-nya di-sana.

Dalam satu pertemuan dengan Awangku Asmalee, beliau berkata bahawa semasa beliau berada di-London, beliau mempunyai banyak pengalaman dalam perkara2 yang bersangkutan paut dengan Seni Lukis.



Awangku Asmalee

Dengan pengalaman itu, kata beliau, dapat-lah beliau menyumbang tenaga-nya untuk faedah penuntut2 dan peminat2 Seni Lukis di-Brunei.

Awangku Asmalee sukachita memberi nasehat kepada pelukis2 tempatan supaya mereka mengambil berat mempelajari ilmu lukisan dengan sa-sungguh2-nya kerana di-satu masa nanti, lukisan2 mereka itu ada-lah di-hargai dan akan di-pamerkan kelak.

Mashuarat Agong Majlis Pandu Puteri

BANDAR BRUNEI. — Isteri Yang Terutama Awang F. D. Webber, Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, telah di-jemput untuk menjadi Yang Dipertua Majlis Pandu Puteri Negeri Brunei.

Lantikan tersebut telah di-persetujui dalam Mashuarat Agong Majlis Pandu Puteri Negeri Brunei, bertempat di-Ibu Pejabat Pandu Puteri di-Bandar Brunei baru2 ini.

Majlis itu di-pengerusi oleh Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani.

Di-antara para hadirin di-majlis itu ia-lah Pesuruh Jaya Pandu Puteri bagi Daerah Brunei, Chegu Pengiran Umi binte Pengiran Idrus; Dayang Marhani binte Abdul Latiff, Dayang Wheeler, Dayang Mitchell-Hill dan beberapa orang yang lain.

Dayang Mitchell-Hill, telah dengan sukachita-nya, menerima jemputan untuk memangku jawatan sa-bagai Pesuruh Jaya Pandu Puteri bagi Daerah Seria/Belait sa-hingga sa-orang wanita tempatan di-lantek untuk menjawat jawatan itu.

PEGAWAI2 BARU

Pegawai2 baru Majlis Pandu Puteri Negeri Negeri Brunei yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut ada-lah saperti berikut:

Yang Dipertua: Isteri Yang Terutama Awang F. D. Weber, Pesuruh Jaya Tinggi British di-

Brunei. Naib Yang Dipertua: Dayang H. Fletcher.

Setia Usaha Kehormat: Dayang Jusnani binte Lawie. Penyimpan Wang: Awang M. Fosdar. Setia Usaha Lencana dan Perkakas2: Dayang G. Crowhurst.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Dayang P. Coates, Dayang S. Butterell, Dayang E. Fothergill dan Awang G. V. de Freitas.

Pendaftaran Bakal2 Haji

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran Bakal2 Haji untuk tahun 1966 ada-lah sekarang di-jalankan di-Pejabat Hal-Ehwal Ugama Brunei dan pendaftaran ini akan di-tutup pada 31 Ogos, 1965.

Orang2 Islam yang berhajat untuk menunaikan fardzu Haji pada tahun tersebut ada-lah di-nasehatkan mendaftarkan nama2 mereka dengan menggunakan bo-rang2 yang boleh di-perolehi di-Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei, Pejabat2 Daerah dan Pejabat Kadzi di-Daerah masing2.

BAHASA JIWA BANGSA

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU —

BAHASA RASMI NEGERI INI !

PENTINGNYA SIKAP MENGHORMATI



Menghormati orang lain dapat mewujudkan hubungan positif, termasuk perbezaan pendapat dan keyakinan, membantu membangun hubungan yang lebih baik dan harmonis.

Sikap saling menghormati juga dapat mencegah konflik dan perselisihan yang mungkin timbul akibat perbezaan.

Dengan saling menghargai, individu lebih cenderung bekerja sama dan berkolaborasi untuk mencapai tujuan bersama.



Saling menghormati dapat mewujudkan lingkungan di mana semua orang berasa dihargai dan diterima, tanpa mengira perbezaan.

Dalam masyarakat yang pelbagai, sikap saling menghormati adalah kunci untuk menjaga persatuan dan kesatuan.

Menghormati orang lain adalah cerminan dari sikap yang baik dan terpuji.

Lingkungan yang harmoni, dan rasa hormat dapat meningkatkan kesejahteraan mental dan emosional individu.

Dengan kata lain, sikap saling menghormati adalah tapak yang kukuh bagi masyarakat yang sihat dan sejahtera. Ini adalah nilai sejagat yang penting untuk diterapkan dalam semua aspek kehidupan, baik dalam hubungan peribadi, keluarga, mahupun dalam skala yang lebih luas.

Membudayakan saling menghormati untuk kesejahteraan bersama

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Foto : Jabatan Penerangan

Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

SALING menghargai, menghormati, dan memaafkan bukan hanya penting dalam kehidupan bermasyarakat, tetapi juga dalam kehidupan peribadi kita. Sikap ini dapat membantu kita menjadi manusia yang lebih baik dan lebih memahami sesama kita. Kita semua berperanan penting dalam menjaga keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh kerana itu, mari kita jaga kebersamaan dan hubungan erat dengan saling menghargai, menghormati, dan memaafkan satu sama lain.

Dalam kehidupan bermasyarakat, sikap seperti ini dapat diterapkan dalam berbagai situasi seperti dalam perbincangan, bercakap di hadapan orang ramai, dan berinteraksi dengan orang yang lebih tua atau lebih muda daripada kita. Saling menghormati juga berarti tidak melukai perasaan orang lain dengan perkataan atau tindakan yang tidak sopan atau tidak sesuai dengan norma yang berlaku.

Dalam era digital seperti yang kita hadapi sekarang ini, sikap saling menghormati, dan memaafkan adalah sangat penting. Dengan adanya media sosial dan platform digital, kita sering berinteraksi dengan orang yang tidak dikenal secara langsung. Hal ini dapat memicu konflik dan ketidaksefahaman yang lebih tinggi. Oleh kerana itu, penting bagi kita untuk selalu bersikap bijak dalam berinteraksi dengan orang lain, terutama dalam ruang digital.

Bukan sahaja dalam dunia digital, tetapi apabila kita berhadapan dengan masyarakat dalam pelbagai peringkat golongan, saling menghormati adalah suatu yang dituntut demi

menjaga kestabilan keharmonian kita. Golongan muda perlu menghargai golongan yang lebih tua daripada mereka manakala golongan yang lebih berusia perlu menunjukkan sikap toleransi, berbudi bahasa dan menjadi contoh terbaik untuk golongan muda dalam menjalani hidup bermasyarakat dan bernegara.

Pentingnya sikap saling menghormati adalah kunci untuk menciptakan masyarakat yang harmoni, damai, dan maju. Dengan menghormati orang lain, kita mengakui keberadaan dan nilai mereka, serta membangun hubungan yang positif dan konstruktif. Sikap ini juga penting dalam mencegah konflik dan mempromosikan kerjasama yang efektif. Justeru saling menghargai, menghormati, dan memaafkan menjadi kunci utama untuk menjaga keharmonian dan perdamaian antara satu dengan yang lainnya.

Pentingnya sikap menghormati

- Menghormati orang lain dapat mewujudkan hubungan positif, termasuk perbezaan pendapat dan keyakinan, membantu membangun hubungan yang lebih baik dan harmoni.
- Sikap saling menghormati juga dapat mencegah konflik dan perselisihan yang mungkin timbul akibat perbezaan.
- Dengan saling menghargai, individu lebih cenderung bekerjasama dan berkolaborasi untuk mencapai tujuan bersama.
- Saling menghormati dapat mewujudkan lingkungan di mana semua orang berasa dihargai dan diterima, tanpa mengira

perbezaan.

- Dalam masyarakat yang pelbagai, sikap saling menghormati adalah kunci untuk menjaga persatuan dan kesatuan.

- Menghormati orang lain adalah cerminan daripada sikap yang baik dan terpuji.

- Lingkungan yang harmoni, dan rasa hormat dapat meningkatkan kesejahteraan mental dan emosional individu.

Dengan kata lain, sikap saling menghormati adalah tapak yang kukuh bagi masyarakat yang sihat dan sejahtera. Ini adalah nilai sejagat yang penting untuk diterapkan dalam semua aspek kehidupan, baik dalam hubungan peribadi, keluarga, mahupun dalam skala yang lebih luas.

Sikap saling menghormati dalam Islam

Dalam Islam, menghargai orang lain merupakan ajaran yang sangat ditekankan. Ini mencakupi sikap saling menghormati, menghargai perbezaan, dan berbuat baik kepada sesama. Islam mengajarkan untuk memperlakukan semua orang dengan baik, tanpa memandang perbezaan kaum, agama, bangsa, atau status sosial.

Antara beberapa aspek penting dalam menghargai orang lain dalam Islam ialah seperti mengajarkan umat Islam untuk menghormati orang lain, baik dalam ucapan mahupun perbuatan. Ini termasuk menggunakan bahasa yang sopan, tidak merendahkan orang lain, dan menghindari perdebatan yang tidak perlu.

Oleh kerana adanya keberagamaan dalam masyarakat, agama Islam mengajarkan untuk menghargai perbezaan pendapat, keyakinan, dan budaya.

Islam mendorong umatnya untuk berbuat baik kepada semua orang, termasuk memberikan bantuan, pertolongan, dan

dukungan kepada mereka yang memerlukan. Islam juga sangat melarang menggunakan perkataan yang menyakiti hati.

Selain itu, Islam juga mengajarkan untuk bertoleransi terhadap orang lain, meskipun berbeza agama atau keyakinan, selama tidak ada upaya untuk merosak persatuan dan kesatuan.

Dengan menghargai orang lain, umat Islam dapat menciptakan lingkungan yang harmoni, damai, dan penuh kasih sayang. Hal ini juga merupakan cerminan daripada keimanan dan ketakwaan seseorang kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Memupuk budaya hormat-menghormati sesama jiran tetangga juga merupakan satu perkara yang dituntut dalam agama Islam. Berbuat baik dan menjaga hubungan silaturahmi dengan jiran tetangga itu adalah sangat penting. Ini kerana jiran itu umpama saudara yang dekat dan berada pada kedudukan yang paling mudah untuk kita saling bantu-membantu, apatah lagi dengan adanya sikap kemesraan dan saling pemedulian, ia dapat menjadikan kehidupan bermasyarakat dan bernegara itu lebih bersatu-padu dan harmoni serta jauh dari sebarang persengketaan dan permusuhan.

Kesimpulan

Membudayakan sikap saling menghormati seharusnya dipraktikkan bermula dari rumah lagi. Ibu bapa secara tidak langsung mengajar anak untuk bersikap sedemikian untuk menjadi contoh terbaik dalam melahirkan modal insan yang berupaya mengangkat bangsa dan negara dengan ciri-ciri terpuji iaitu sikap saling menghormati, *berawar galat*, bertimbang rasa untuk mengimbangi cabaran globalisasi yang semakin hilang nilai-nilai murni dalam masyarakat kita.

MEMELIHARA KEBERSIHAN CERMINKAN SIKAP PRIHATIN, TANGGUNGJAWAB



PEMBUANGAN sampah tidak teratur boleh membawa pelbagai wabak penyakit kepada manusia ia menjadi tempat pembiakan kuman, bakteria dan haiwan perosak seperti tikus dan lalat.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

MENTIRI, Isnin, 21 Julai. - Kebersihan di tempat awam merupakan tanggungjawab bersama yang perlu dipandang serius oleh setiap anggota masyarakat. Tempat awam seperti taman rekreasi, pasar dan pusat membeli-belah sering menjadi tumpuan orang ramai setiap hari. Justeru, memelihara kebersihan

di kawasan ini bukan sahaja mencerminkan sikap prihatin dan tanggungjawab, malah memberi impak besar terhadap tahap kesihatan, keselamatan serta imej negara.

Oleh itu, kita seharusnya mengubah cara pemikiran agar sentiasa memupuk dan mengamalkan kebersihan serta jangan sesuka hati membuang sampah di merata tempat.

Masyarakat yang bertanggungjawab adalah mereka yang tahu membuang sampah ke dalam tong sampah dengan secara berhemah serta tidak membiarkan sampah bersepah di merata tempat.

Pembuangan sampah tidak teratur akan memberi kesan buruk kepada kesihatan masyarakat. Sisa sampah boleh membawa pelbagai wabak penyakit kepada manusia ia menjadi tempat pembiakan kuman, bakteria dan haiwan perosak seperti tikus dan lalat.

Apabila sampah tidak dibuang dengan betul, sisa makanan yang mereput akan menghasilkan bau busuk dan menarik perhatian serangga serta haiwan yang boleh menyebarkan penyakit. Contohnya, lalat yang hinggap pada makanan tercemar boleh

menyebabkan cirit-birit atau keracunan makanan, manakala tikus pula boleh menyebarkan penyakit leptospirosis.

Selain itu, longgokan sampah juga boleh menyebabkan pencemaran air dan udara, sekali gus menjejaskan kesihatan orang ramai, terutama mereka yang tinggal berhampiran kawasan tersebut.

Setiap individu daripada kalangan masyarakat sama-sama memikul tanggungjawab dan menanam sikap suka pada kebersihan dengan melaksanakan sikap atau tabiat pembersih sama ada di sekolah atau di rumah.

Bagi mencapai matlamat itu, setiap orang ramai mestilah mendisiplinkan diri bagi menjaga imej Islam yang suka akan kebersihan dengan melahirkan persekitaran yang sejahtera dan selesa, di samping tegur-menegur dan nasihat-menasihati sesama kita dalam hal menjaga kebersihan.

Di Negara Brunei Darussalam terdapat banyak kawasan pantai yang sentiasa menjadi tumpuan para pengunjung sama ada dari dalam atau luar negara antaranya Pantai Serasa, Pantai Muara, Pantai Tungku, Pantai Seri Kenangan, Pantai Penanjong,

Pantai Lumut dan sebagainya.

Namun dalam kita melakukan sebarang aktiviti riadah bersama keluarga atau rakan kita juga perlu ingat akan tanggungjawab untuk menjaga kebersihan, keselamatan dan keindahan pantai dan kawasan sekitarnya selesai sahaja dari melakukan apa sahaja aktiviti riadah.

Kita juga perlu bertanggungjawab untuk menjaga sebarang kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti tandas awam, pondok-pondok istirahat, taman permainan dan sebagainya agar ia sentiasa dipelihara dan dijaga rapi, menghalang ia daripada dirosakkan lebih-lebih lagi daripada kalangan pemugut (vandalisme) yang tidak bertanggungjawab.

Usaha kerajaan memberikan pelbagai kemudahan di pantai di negara ini adalah semata-mata untuk memudahkan dan juga bagi menjaga keselamatan para pengunjung dan para penaja yang beroperasi di kawasan pantai-pantai tersebut dan menjadikannya sebagai satu tempat riadah yang sihat dan selamat untuk para pengunjung sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Kemeriahan sambutan Hari Keputeraan dirai dengan penuh semangat kesetiaan rakyat



DAYANG Nur Irdina Izzati binti Md. Shahrin (atas kiri), manakala gambar atas tengah, Dayang Nur Farhana binti Sapar. Sementara gambar atas kanan, Awang Majdurano Joey bin Majallah Sain dan isteri.

Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Julai. - Kemeriahan sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun terus dirasai di seluruh negara, khususnya di ibu negara dan daerah-daerah, menerusi pelbagai acara yang mencerminkan kasih sayang serta taat setia rakyat kepada raja.

Sehubungan itu, wakil Pelita Brunei sempat mendapatkan pandangan orang ramai yang hadir menyemarakkan suasana sambutan berkenaan, yang turut dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan dan gerai - gerai jualan, menggambarkan semangat perpaduan dan kemeriahan rakyat menyambut hari kebesaran negara.

Menurut Awang Majdurano Joey bin Majallah Sain, yang ditemui bersama isterinya, Annie Koh, semasa mereka mengunjungi

kawasan tapak perayaan di ibu negara, beliau tidak pernah melepaskan peluang untuk hadir bersama keluarga setiap kali sambutan Hari Keputeraan diadakan.

"Setiap tahun saya dan isteri bersama anak-anak pasti akan datang ke tapak gerai perayaan untuk berjalan-jalan sambil melihat pelbagai jualan yang ditawarkan," ujar beliau.

Tambahnya, suasana di ibu negara pada tahun ini kelihatan lebih meriah berbanding tahun-tahun sebelumnya, terutamanya dengan pancaran lampu-lampu cucul yang bergemerlapan di sepanjang jalan menjadikan suasana malam di Bandar Seri Begawan tampak lebih indah dan berseri.

Beliau turut menyatakan bahawa suasana sambutan tahun ini agak berbeza kerana kawasan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin tidak dibukakan kepada orang ramai seperti kebiasaan, yang

lazimnya menjadi lokasi orang ramai bersiar-siar bersama keluarga dan anak-anak kecil yang berlari-lari serta bermain dengan riang.

Sementara itu, Dayang Nur Irdina Izzati binti Md. Shahrin pula menyatakan bahawa kemeriahan sambutan tahun ini tidak jauh bezanya dengan tahun lalu.

"Apa yang ketara ialah perubahan dari segi susunan pentas persembahan dan penempatan gerai-gerai jualan," jelasnya ketika ditemui bersama dua orang sahabatnya, Dayang Maisarah binti Md. Hanafi dan Dayang Nur Syafiqah binti Mahmud.

Sambutan Hari Keputeraan ini bukan sahaja menjadi hari penuh makna bagi rakyat, bahkan turut membuka ruang kepada usahawan kecil dan sederhana, terutamanya dalam kalangan belia, untuk memperkenalkan serta mempromosikan produk tempatan mereka.

Dayang Nur Farhana binti Sapar, yang ditemui bersama

rakan-rakannya, Dayangku Noor Hani Redza binti Pengiran Haji Redzaini dan Dayang Nur Izzati Zafira binti Awang Zanin, menyatakan bahawa sambutan seperti ini amat membantu para peniaga tempatan.

"Banyak gerai mendapat sambutan menggalakkan jika dilihat dari segi jualan, kerana ramai pengunjung suka mencuba makanan yang sedang tular atau yang baharu. Ini secara tidak langsung membantu memperkenalkan produk tempatan kepada orang ramai," jelas beliau.

Tambahnya lagi, sambutan di tapak perayaan di daerah-daerah lain juga tidak kurang meriahnya, dengan kehadiran ramai pengunjung yang memberikan sokongan kepada para peniaga dan memeriahkan suasana.

Menurutnya, sambutan seumpama ini bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, bahkan turut menjadi wadah untuk rakyat menzahirkan kasih dan kesetiaan kepada Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus menjadi lambang perpaduan rakyat dan manifestasi kesyukuran atas kepimpinan baginda yang bijaksana serta pemerintahan yang aman dan sejahtera.

Semangat rakyat yang berkumpul, bersatu hati dan berbangga menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menggambarkan jati diri rakyat Brunei Darussalam yang setia, bersatu padu dan berbudaya tinggi.



LAPANGAN TERBANG CHANGI CATAT 17.5 JUTA PERGERAKAN PENUMPANG SUKU KEDUA 2025

REPUBLIK SINGAPURA, 22 Julai. - Lapangan Terbang Changi Republik Singapura mencatat 17.5 juta pergerakan penumpang bagi suku kedua tahun ini (Q2 2025), mewakili peningkatan 5.9 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Kumpulan Lapangan Terbang Changi (CAG) dalam satu kenyataan pada Selasa berkata lima pasaran utama bagi lapangan

terbang itu sepanjang suku itu ialah Republik Rakyat China, Republik Indonesia, Malaysia, Australia dan Republik India.

"Pergerakan penumpang antara Republik Singapura dengan dua pasaran utamanya - Republik Rakyat China dan Republik Indonesia - mencatat pertumbuhan tertinggi dalam tempoh ini, masing-masing

melempi paras 2024 dengan peningkatan 15.8 peratus dan 12 peratus," menurut kenyataan itu.

Dalam masa sama, Changi turut merekodkan jumlah kargo udara sebanyak 516,000 tan metrik bagi Q2 2025, meningkat 6.2 peratus berbanding suku kedua 2024.

Pertumbuhan direkodkan dalam semua kategori aliran kargo, dengan import mencatat

prestasi paling kukuh, meningkat lapan peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

CAG memaklumkan bahawa lima pasaran utama bagi kargo udara sepanjang suku itu ialah Republik Rakyat China, Amerika Syarikat, Hong Kong, Australia dan Republik India.

Naib Presiden Eksekutif CAG untuk Hab Udara dan Pembangunan Kargo, Lim Ching Kiat berkata Changi terus menyaksikan pertumbuhan memberangsangkan dalam pergerakan penumpang pada suku ini, didorong permintaan

yang kukuh merentasi pasaran utama.

"Bersama rakan kongsi syarikat penerbangan kami, kami komited untuk memperluaskan lagi sambungan destinasi bagi menawarkan lebih banyak pilihan perjalanan yang menarik kepada penumpang," katanya.

Setakat 1 Julai, kira-kira 100 syarikat penerbangan beroperasi di Changi dengan lebih 7,200 penerbangan berjadual setiap minggu, menghubungkan Singapura ke sekitar 170 bandar di 50 negara dan wilayah di seluruh dunia. - ©BERNAMA

16 suspek dikenal pasti dalam kes kebakaran hutan dan tanah di Riau - BNPB

REPUBLIK JAKARTA, 22 Julai. - Badan Nasional Pengurusan Bencana (BNPB) Republik Indonesia telah mengenal pasti 16 individu sebagai suspek dalam kes kebakaran hutan dan tanah yang disyaki sengaja dilakukan, ketika negara itu bergelut menangani peningkatan kejadian kebakaran di beberapa wilayah.

Ketua BNPB, Letenan Jeneral Suharyanto berkata 11 lagi kes masih dalam siasatan, dengan semua proses perundangan dijalankan mengikut undang-undang negara.

Beliau menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan

seiring dengan operasi pemadaman kebakaran bagi memastikan tindak balas yang menyeluruh dan terkoordinasi.

"Pasukan petugas undang-undang telah mengambil tindakan dengan menamakan 16 suspek. Seiring dengan pemadaman kebakaran, operasi penguatkuasaan undang-undang memastikan tindak balas yang terkoordinasi," katanya dalam kenyataan.

Suharyanto menyatakan bahawa kebakaran hutan dan tanah telah menjejaskan semua daerah dan bandar di Riau, dengan Bengkalis dan Kampar paling teruk terjejas, dengan lebih 100 hektar tanah terbakar di

kedua-dua kawasan itu.

Secara keseluruhan, 12 kawasan telah terjejas, termasuk Rokan Hilir, Siak dan Indragiri Hilir, dengan lebih 50 hektar musnah dalam kebakaran, tambahnya.

Bagi memperkukuh usaha pemadaman kebakaran, beliau berkata dua helikopter peronda telah dikerahkan manakala jumlah helikopter pengebom air ditambah kepada lima.

Pasukan darat turut diperkukuh dengan peralatan tambahan dan motosikal khas bagi pemadaman kebakaran hutan, selain penambahan anggota tentera dan polis dari Riau, katanya. - ©BERNAMA

Poland sahkan kes kolera tempatan yang jarang berlaku di Stargard

GENEVA, 21 Julai. - Pihak berkuasa kesihatan Poland mengesahkan satu kes kolera yang jarang berlaku melibatkan seorang wanita warga emas dari Stargard, sekali gus menimbulkan kebimbangan tentang kemungkinan penularan tempatan, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik media tempatan pada Ahad.

Ketua Inspektor Sanitasi, Pawel Grzesiowski berkata wanita itu, yang tidak pernah keluar negara, disahkan menghidap kolera selepas mengalami cirit-birit yang teruk. Diagnosis itu disahkan melalui dua ujian berasingan.

"Kes ini nampaknya adalah kes tempatan," kata Grzesiowski, sambil menjelaskan yang kes kolera di Poland lazimnya melibatkan pelancong yang pulang dari luar negara.

Disebabkan sifat penyakit ini yang mudah berjangkit dan boleh menjadi serius, pesakit dipindahkan ke hospital penyakit berjangkit khas di Szczecin.

Lebih 20 individu yang mempunyai kontak dengan pesakit dikuarantin sebagai langkah berjaga-jaga bagi mencegah penularan selanjutnya.

Kolera disebabkan oleh bakteria *Vibrio cholerae* dan lazimnya merebak melalui air yang tercemar. Ia boleh menyebabkan penahhidratan serius dan kematian jika tidak dirawat. Rawatan merangkumi antibiotik dan terapi intensif penghidratan semula.

Kes ini mendorong pihak berkuasa kesihatan untuk menyiasat sumber pencemaran dan menilai risiko jangkitan lanjut di kawasan itu. - ©BERNAMA

Korea Selatan: 18 maut, 9 hilang akibat hujan lebat, tanah runtuh

SEOUL, 21 Julai. - Seramai 18 orang dilaporkan terkorban manakala sembilan lagi masih hilang susulan hujan lebat dan kejadian tanah runtuh yang melanda negara itu sejak minggu lepas, lapor Agensi Berita Yonhap memetik kenyataan kerajaan pada Isnin.

Menurut Kementerian Dalam Negeri, setakat 9 malam Ahad, jumlah korban merangkumi 10 orang di Sancheong di selatan, dua di Gapyeong di utara dan dua lagi di Seosan di barat negara itu.

Empat daripada mangsa yang

hilang dilaporkan di Sancheong manakala empat lagi di Gapyeong.

Lebih 14,000 penduduk telah dipindahkan ke pusat pemindahan di 15 bandar dan wilayah utama sejak hujan lebat bermula pada Rabu lepas.

Kerosakan harta benda turut dilaporkan, dengan 1,999 kes membabitkan kemudahan awam dan 2,238 kes melibatkan kemudahan persendirian setakat 6 petang Ahad.

Agensi cuaca negara meramalkan hujan akan

berterusan sehingga pagi Isnin di Wilayah Jeolla Selatan, Wilayah Gyeongsang Selatan dan pulau selatan Jeju.

Wilayah Jeolla Utara dan Gyeongsang Utara dijangka mula menerima hujan pada 9 pagi manakala kawasan ibu negara serta wilayah Gangwon dan Chungcheong diramal mengalami hujan pada sebelah petang.

Kerajaan telah menarik balik semua amaran hujan lebat dan menurunkan tahap amaran daripada 'serius' kepada 'waspada' pada Ahad. - ©BERNAMA

Warga Thailand dapat manfaat tambang kereta api 20 Baht bermula Oktober

BANGKOK, 21 Julai. - Kerajaan Thailand sedang dalam perancangan untuk melaksanakan tambang kereta api elektrik maksimum 20 Baht untuk warganegara Thai bermula 1 Oktober.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pengangkutan, Suriya Juangroongruangkit, berkata kerajaan sedang mempercepatkan penubuhan dana untuk mempromosikan sistem tiket bersepadu, dengan memanfaatkan hasil terkumpul Mass Rapid Transit Authority of Thailand (MRTA) bagi membayar balik operator untuk kekurangan hasil tambang.

Skim ini akan meliputi lapan laluan, merangkumi 13 jajaran di dalam Bangkok dan wilayah sekitarnya, meliputi jarak keseluruhan 276.84 kilometer dan memberi perkhidmatan kepada 194 stesen.

"Tambang tetap 20 Baht untuk perjalanan kereta api elektrik di seluruh laluan pasti akan dilaksanakan selewat-lewatnya 1 Oktober," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Beliau menyatakan keyakinan bahawa orang ramai akan mendapat manfaat besar daripada inisiatif itu.

Suriya juga mengesahkan bahawa menjelang Ogos 2025, warga Thai yang layak akan dapat mendaftar untuk skim tersebut melalui aplikasi mudah alih kerajaan 'Tang Rat'.

Sementara itu, Suriya merakamkan penghargaan kepada Gabenor Bangkok, Chadchart Sittipunt, susulan pertemuan baru-baru ini yang bertujuan memperkukuh persefahaman dan kerjasama bersama.

Beliau juga telah menugaskan Bangkok Mass Transit Authority (BMTA) untuk melaksanakan sistem bas perantara. Bas ulang-alik jarak dekat akan digunakan di sepanjang laluan kereta api elektrik bagi meningkatkan kesalinghubungan dan kemudahan untuk penumpang.

Awal bulan ini, Kabinet Thailand meluluskan rancangan untuk mengehadkan semua tambang kereta api elektrik di Greater Bangkok kepada 20 baht bermula 1 Oktober, dalam usaha mengurangkan kos perjalanan dan menggalakkan pemandu beralih kepada pengangkutan awam. - ©BERNAMA

Ramai jemaah haji pilih tolak bantuan subsidi haji

KUALA LUMPUR, 21 Julai. - Pemberian subsidi haji kepada jemaah golongan B40 dan M40 menunjukkan penurunan dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, susulan ada jemaah secara sukarela memilih untuk menolak bantuan itu, demikian Dewan Rakyat dimaklumkan hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata penolakan itu berikutan kesedaran umat Islam terhadap soal kemampuan sebagai asas untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu.

"Tabung Haji (TH) dalam usaha memberikan penjelasan kepada umat Islam tentang kaitan haji dengan kemampuan. Bermula 2022, subsidi yang diberikan TH kepada jemaah B40 dan M40 semakin berkurangan... ini adalah asas untuk mendidik umat Islam

terhadap kewajipan haji.

".. mereka secara sukarela tolak bantuan adalah seramai 396 (2023) dan 263 (2024)... mereka tak mahu terima bantuan subsidi atau bantuan haji yang diberikan," kata pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr. Ahmad Marzuk Shaary (PN-Pengkalan Chapa) berhubung cadangan menggunakan kadar keuntungan TH diolah sebagai bantuan subsidi kepada jemaah yang memerlukan.

Mohd. Na'im berkata penolakan subsidi itu turut memberi kesan positif kepada prestasi kewangan TH apabila agihan keuntungan TH meningkat kepada 3.25 peratus pada tahun lepas.

Menjawab soalan asal Ahmad Marzuk mengenai kenaikan kos dan kuota haji, beliau berkata tiada kenaikan kos haji bagi seorang

jemaah Muassasah bagi tahun ini dan jumlah kos berkenaan adalah sama seperti tahun lepas iaitu RM33,300.

Bagi kuota haji pula, beliau berkata tiada kuota rasmi haji negara bagi tempoh 2020 hingga 2025 yang tidak digunakan.

"Kuota haji rasmi tahunan yang diperuntukkan oleh kerajaan Arab Saudi adalah sebanyak 31,600 iaitu berdasarkan keputusan persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) yang menetapkan satu peratus daripada jumlah umat Islam dalam sesebuah negara.

"Pada 2022, kerajaan Arab menetapkan hanya 45 peratus daripada kuota asal bagi seluruh negara Islam di dunia selepas pandemik COVID-19 reda yang menyebabkan kuota haji Malaysia hanya sebanyak 14,306," katanya. - ©BERNAMA

MUKIM KERIAM JUARA KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 ORANG SEPASUKAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Kejohanan Bola Sepak 9 Orang Sepasukan (kanan). Manakala gambar atas dan bawah, aksi para pemain pada kejohanan berkenaan.



TUTONG, Isnin, 21 Julai. - Pasukan Mukim Keriame berjaya menjuarai Kejohanan Bola Sepak 9 Orang Sepasukan selepas menewaskan Pasukan Lamunin 'A' Mukim Lamunin dengan jaringan 1 - 0 pada perlawanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong, baru-baru ini.

Manakala tempat yang ketiga disandang bersama oleh Pasukan Bukit Udal Mukim Tanjong Maya dan Pasukan Pasir Putih Keramat Mukim Telisai.

Pada perlawanan tersebut, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pasukan pemenang.

Kejohanan bola sepak yang bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 itu dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim (MPM) Telisai.

Sebanyak 13 buah pasukan menyertai kejohanan tersebut antaranya Bukit Beruang (MT), Mukim Lamunin 'A', Rambai 'B', Santai FC, Pekan Tutong (MPT),



Bukit Udal FC (MTM), Mukim Kiudang, (MKD), Pasir Putih Keramat (MT), Rambai 'A' (MR), All Stars (MTM), Mukim Lamunin 'B', Danau (MTM) dan Mukim Keriame (MT).

Limbang FA menang saat akhir kalahkan PKT FT

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League



ANTARA aksi para pemain Limbang FA menentang PTK FT pada Kejohanan Liga Jemputan yang berlangsung di Kompleks Sukan Batu Apoi.

TEMBURONG, Isnin, 21 Julai.- Limbang FA lega membawa pulang kemenangan mutlak selepas berjaya menewaskan PTK FT pada perlawanan penuh dramatik persaingan bola sepak Kejohanan Liga Jemputan merebut Piala Lela Cheteria 2025 dengan kedudukan 4-3 di Kompleks Sukan Batu Apoi, di sini, baru-baru ini.

PKT FT lebih awal membuat kejutan apabila berjaya merobek gawang Limbang FA menerusi rembatan jarak jauh yang menerjah gawang oleh Md. Ismail Hossain pada minit ke-10 namun Limbang FA yang bagai lambat panas berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-28.

Perlawanan semakin mendebarkan pada babak kedua apabila Md. Farihin sekali lagi membawa Limbang FA di depan menerusi sentuhan jaringan pada minit ke-58.

Ketinggalan jaringan langsung tidak menghampakan rentak pemain PKT FT sekalipun hampa apabila Bayu Eka Maulana gagal menyempurnakan sepakan penalti.

Kehampaan tersebut terubat juga apabila beliau berjaya merapatkan kedudukan pada minit ke-87, manakala Md. Fakrul Radzi berjaya menyamakan kedudukan menjadikan 3-3 pada minit kecederaan.

Kegembiraan tersebut bagaimanapun berjaya diragut oleh pemain lincah Limbang FA, Brayan Junior Mcbewsherm beberapa saat sebelum wisel penamat untuk kedudukan 4-3.

Dalam pada itu, Ketua Jurulatih Limbang FA, Bulhaji Wahab menjelaskan perlawanan tersebut sangat menarik dengan kedua-dua pasukan berjaya memperlihatkan permainan yang sengit dan kami bernasib baik memperoleh kemenangan pada saat akhir perlawanan.

Menurutnya lagi, para pemain nampak merubah permainan selepas berjaya mendahului lawan dengan 3-1 namun kebangkitan pasukan lawan berjaya menyamakan kedudukan mujur pemain bersungguh-sungguh mendakap mata penuh.

Sementara itu, Ketua Jurulatih PKT FT, Sapolirizal Samail pula berkata kami terlepas peluang untuk sekurang-kurangnya berkongsi kedudukan.

"Namun inilah bola sepak, kami akur dengan kekalahan ini tetapi kami akan bertekad untuk bangkit pada perlawanan seterusnya," ujarnya lagi.

Dalam perlawanan lain, Miri FA membelasah Supastrikas FT dengan jaringan 6 - 0 di Padang Arena, Seria.

Fairview Walk eratkan silaturahim ibu bapa, guru

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Fairview



SEBAHAGIAN yang menyertai Fairview Walk 2025 (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Julai. - Kira-kira 300 warga Sekolah Fairview terdiri daripada murid - murid, guru - guru, kakitangan serta keluarga telah menyertai Fairview Walk 2025, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Pengarah Urusan Sekolah Fairview, Dato Seri Laila Jasa Haji

Ahmad bin Dato Paduka Matnor. Turut hadir, Pengarah Eksekutif Akademik, Datin Paduka Hajah Fatimah binti Dato Paduka Haji Mohd. Husain; Pengerusi dan Penolong Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Awang Fahrul Razzi bin Pandin dan Awang Md. Khairul Shahrul bin Haji Duahim.

Walkaton diadakan bagi

mendukung objektif Kementerian Kesihatan iaitu 'Kesihatan Adalah Tanggungjawab Semua'. Acara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Guru Agama sekolah berkenaan, Awang Abdul Aiman bin Abd. Wahab diikuti dengan sesi pemanasan badan yang diadakan di pekarangan sekolah sebelum memulakan acara berjalan kaki sepanjang 2.8 kilometer (km) bagi murid-murid peringkat rendah.

Seterusnya, murid kindergarten berjalan kurang daripada 1km iaitu laluan perjalanan melalui sekeliling Kampung Manggis satu dan sekitarnya.

Penglibatan ibu bapa dalam Fairview Walks 2025 ini mencerminkan sokongan dan dorongan mereka terhadap aktiviti yang diadakan oleh pihak sekolah. Di samping bersenam, beriadah dan meluangkan masa bersama sekali gus mengeratkan hubungan antara guru-guru dan ibu bapa.

Acara juga diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang walkaton bagi murid-murid yang berjaya menamatkan perjalanan dengan cepat ke garisan penamat.

Kategori Kindergarten dimenangi oleh Janella C. Pamintuan. Sementara, pemenang Rendah Bawah Kategori Lelaki dan Perempuan ialah Abdul Qhairan Arsyad bin Razali dan Ranaa Nadiyah binti Mohammad Fithridza.

Manakala, Muhammad Akil Zakee bin Fahrul Razzi dan Raima Nayyirah binti Mohammad Fithridza memenangi Kategori Rendah Atas.

Acara juga diserikan dengan cabutan Lucky Draw yang mana pemenang Grand Prize bertuah ialah Dayangku Nurrahidah binti Pengiran Haji Abdul Rahim yang telah membawa pulang sebuah televisyen 32 inci.





MEMUPUK GAYA HIDUP SIHAT, AKTIF DALAM KALANGAN KOMUNITI



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat di acara Walkaton Keluarga Sekampung yang telah diadakan di Kebun Tapak Pertanian, Kampung Mulaut. Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, antara yang hadir turut serta dalam acara walkaton tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Julai. - Sempena meraikan Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025, satu acara Walkaton Keluarga Sekampung diadakan di Kebun Tapak Pertanian, Kampung Mulaut, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, yang juga Ketua Kampung Putat, DBM; dan Penghulu Mukim Sengkurong, Dr. Awang Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman.

Majlis dimulakan seawal jam 6.15 pagi dan dimeriahkan dengan kehadiran para penduduk Kampung Mulaut serta kawasan sekitarnya yang turut serta dalam acara walkaton tersebut.

Ketua Kampung Mulaut, Awang Hamizan bin Haji Mustapa, juga selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir khususnya

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

kepada Pemangku Pegawai DBM serta Yang Berhormat Ahli MMN.

Menurutnya, penganjuran acara walkaton tersebut bukan sahaja bertujuan untuk merayakan hari keputeraan raja yang dikasihi, malah ia merupakan antara usaha berterusan dalam memperkukuh silaturahim sesama penduduk kampung serta memupuk gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan komuniti.

"Acara seperti ini mampu menjadikan kampung kita ke arah komuniti yang sihat, proaktif dan berkualiti.

"Harapan saya agar acara seperti ini dapat terus dilaksanakan pada masa akan datang," ujarnya lagi.

Walkaton Keluarga Sekampung tersebut merupakan antara aktiviti sukan tahunan kampung yang sentiasa dinantikan oleh penduduk dan dilihat sebagai platform yang berkesan dalam mempererat perpaduan serta semangat kekitaan dalam kalangan komuniti setempat.

Majlis berakhir dengan sesi bergambar ramai dan jamuan ringan yang disediakan kepada para peserta.

Filipina B23 kutip 3 mata

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Tangkap Layar Youtube ASEAN United FC



JAKARTA, Isnin, 21 Julai. - Skuad Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) bawah 23 tahun (B23) berputih mata apabila tumpas 2 - 0 ke atas pasukan Filipina B23 pada perlawanan peringkat kumpulan, Piala Mandiri 2025 yang berlangsung di Stadium Patriot Candrabhaga, Jakarta, Indonesia.

AKSI sekitar perlawanan peringkat kumpulan, Piala Mandiri 2025, antara Skuad Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bawah 23 tahun (B23) dan pasukan Filipina B23.

Gol bagi pasukan Filipina masing-masing dijaringkan oleh Javier Mariona dan Harry Nunez.

Babak pertama perlawanan menyaksikan pasukan Filipina dengan bijak mengawal permainan dan seterusnya berjaya menjaringkan gol seawal minit ke-20 setelah pemain tengah, Jared Pena dijatuhkan di dalam kotak penalti oleh pemain pertahanan Skuad Bola Sepak Kebangsaan NBD, Wafiq Danish.

Pasukan Filipina seterusnya dihadiahkan penalti yang disudahi dengan baik oleh Javier Mariona.

Sepuluh masa kedua pula menyaksikan pasukan Filipina terus lagi mengawal permainan dengan baik dan melakukan beberapa serangan untuk

menggandakan jaringan.

Javier Mariona terus lagi beraksi dengan baik pada perlawanan berkenaan dan seterusnya dengan bijak memberikan umpanan lintang dari sayap kiri kepada Harry Nunez yang menyudahi peluang berkenaan dengan baik pada minit ke-85.

Keputusan perlawanan kekal 2 - 0 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Kemenangan pasukan Filipina berkenaan menyaksikan mereka mara ke peringkat kalah mati, sementara Skuad Bola Sepak Kebangsaan tercorot di tangga keempat dan gagal untuk melangkah ke peringkat seterusnya.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MARILAH KITA SALING MENGHARGAI, MENGHORMATI DAN MEMAAFKAN ANTARA SATU SAMA LAIN